

## Wacana Seksualiti Insan dalam Novel *Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Hassan

MOHD. ZARIAT ABDUL RANI

### ABSTRAK

*Kesusasteraan Melayu masa kini dibanjiri gagasan sastera dengan terasnya yang berbagai-bagai. Namun demikian, gagasan tersebut menjurus kepada matlamat yang sama: menyediakan kerangka pemahaman tentang karya sastera yang bermutu. Kebanyakan gagasan itu dijana melalui tulisan ilmiah, berbanding karya kreatif. Hal ini menimbulkan persoalan seperti apakah tulisan kreatif tidak dapat menjadi wadah yang “sah” untuk melahirkan gagasan? Sehubungan itu, rencana ini menjadikan novel *Pujangga Melayu* (1997) karya Mohd. Affandi Hassan sebagai bahan kajian, kerana ia diajukan sebagai terjemahan konkrit dalam bentuk tulisan kreatif terhadap gagasan Persuratan Baru, yang sebelum itu terjana novelisnya melalui tulisan ilmiah. Dengan menjadikan seksualiti manusia sebagai subjek, rencana ini akan menganalisis pengertian seksualiti yang terkandung dalam novel itu dengan membandingkannya dengan falsafah dan prinsip asas yang mendasari Persuratan Baru. Daripada analisis, didapati pemahaman seksualiti yang terkandung dalam novel itu sejajar dengan falsafah dan prinsip Persuratan Baru yang berpaksikan Taklif, iaitu perakuan terhadap hakikat keterikatan manusia dengan Pencipta mereka. Kajian ini turut menjelaskan pemahaman tersebut tidak sahaja diberi novelisnya melalui manipulasi alat-alat penceritaan, tetapi juga (dan yang lebih dominan) ialah penggembangan wacana.*

*Kata kunci:* Seksualiti, kejantinaan, ilmu, wacana

### ABSTRACT

*At present, Malay literature is inundated with local literary theories, each with its own principle. These theories are intended to provide a framework for understanding what quality literary work should be. But, these literary ideas are derived mostly from academic writings, instead of literary writings. This raises the question: are literary works not able to be a legitimate vehicle for conveying a theory? Hence, this article makes use of the novel *Pujangga Melayu* (1997) by Mohd Affandi Hassan as research material. Its selection is based on the author's claim that the novel has translated his ideas of Persuratan Baru into creative works, which before this were expressed through his academic*

writings. By making use of human sexuality as subject matter, this article analyses the meaning of sexuality as embedded in the novel, by comparing it to the philosophy and principles of Persuratan Baru, which was attached to Taklif, i.e. the acknowledgement of reality by mankind of his bond to God. Further analysis shows that the above referred to meaning is not only clarified by the novelist through the manipulation of narrative devices, but also through discourses in an even more dominant way.

*Key words:* Sexuality, gender, knowledge, discourse

## PENGENALAN

Dunia kesusasteraan Melayu hari ini menyaksikan banyak teori dan gagasan sastera yang diutarakan sarjana dan pengkaji sastera tempatan. Teori dan gagasan sastera itu pula memperlihatkan penggunaan teras yang pelbagai, daripada yang berteraskan pemahaman tentang Melayu dan Islam sehingga yang berteraskan falsafah serta pemikiran Barat. Tidak kira apa juga terasnya, teori dan gagasan sastera itu mempunyai matlamat yang sama: menyediakan kerangka pemahaman tentang karya sastera yang baik dan bermutu. Yang menarik untuk dibincangkan ialah penjanaan teori dan gagasan sastera itu. Ini kerana kebanyakan teori dan gagasan sastera Melayu masa kini disampaikan penjananya melalui tulisan ilmiah, berbanding dengan tulisan kreatif.

Kecenderungan itu menimbulkan persoalan: apakah tulisan kreatif tidak dapat menjadi wadah yang “sah” bagi menampung idea dan pemikiran penjana teori dan gagasan sastera? Dalam konteks ini, novel *Pujangga Melayu*, karya Mohd Affandi Hassan (seterusnya Mohd Affandi) dianggap dapat menawarkan pengamatan yang menarik, lantaran ia diajukan Mohd Affandi sebagai terjemahan konkrit dalam bentuk tulisan kreatif terhadap gagasan Persuratan Baru yang sebelum itu dijana beliau melalui tulisan ilmiah (Mohd Affandi Hassan 1992, 1994a, 1994b, 1999). Kerelevanannya *Pujangga Melayu* sebagai teks perbincangan ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan Ungku Maimunah Mohd Tahir (2002: 43) yang menyebut:

Sesungguhnya, dengan menulis *Pujangga Melayu*, Affandi menawarkan dirinya untuk diadili, iaitu adakah Mohd Affandi “bercakap serupa bikin”.

Seterusnya, adalah penting untuk diketahui bahawa dalam perbincangan ini, selain menangani gagasan Persuratan Baru, novel *Pujangga Melayu* turut menawarkan pemahaman tentang soal kejantinaan dan seksualiti, terutamanya apabila soal poligami menjadi antara persoalan yang digarapnya, sebagaimana yang diakui sendiri oleh Mohd Affandi (2002: 6)

Saya mengemukakan persoalan [poligami] yang menjadi masalah kepada pembaca sebagai sumbangan penting saya kepada pelaksanaan hukum Islam yang tidak popular

ini di Malaysia, dengan menjadikannya asas sebuah keluarga besar seorang intelektual Melayu.

Dan, yang lebih penting untuk diteliti ialah jalinan yang erat antara soal seksualiti (pada tahap ini ialah poligami), dengan gagasan Persuratan Baru dalam novel *Pujangga Melayu*, sebagaimana yang diakui sendiri oleh Mohd Affandi (2002: 6) sendiri dalam petikan di bawah:

Watak utama *Pujangga Melayu* harus menghadapi dua cabaran besar dalam hidupnya – cabaran intelektual *vis-a-vis* Persuratan Baru, dan cabaran berpoligami *vis-a-vis* rumah tangga – mempunyai implikasi tersendiri dalam usaha memahami dan menilai *Pujangga Melayu*.... Dua perkara ini menjadi teras *Pujangga Melayu*, dijalinkan dalam struktur penceritaan yang lebih mudah difahami jika konsep siratan makna (*stylization of ideas*) dalam Persuratan Baru digunakan. [Penekanan ditambah.]

Kenyataan Mohd Affandi, itu menjelaskan bahawa penilaian terhadap *Pujangga Melayu* tidak dapat meminggirkan dua isu penting yang diutarakannya (disebut sebagai “cabaran besar”), iaitu Persuratan Baru dan poligami Islam. Ini sekali gus bererti bahawa penelitian terhadap persoalan poligami (seksualiti) dalam novel tersebut akan turut memancarkan intipati gagasan Persuratan Baru.

Seterusnya, penting untuk dijelaskan bahawa pemahaman di atas menjadi asas dalam perbincangan ini yang akan menganalisis *Pujangga Melayu* bagi memahami persoalan seksualiti yang diketengahkan pengarangnya. Selanjutnya, pemahaman tentang seksualiti pula akan dimanfaatkan bagi mengupas dan menjelaskan perkara penting yang telah dibangkitkan di awal perbincangan tadi, iaitu soal kemampuan tulisan berbentuk kreatif (dalam konteks ini ialah genre novel) dalam menyampaikan idea dan pemikiran pengarangnya secara serius. Untuk itu, perbincangan akan membandingkan idea dan pandangan Mohd Affandi tentang seksualiti dengan intipati gagasan Persuratan Baru yang dijananya itu guna menguji keupayaan *Pujangga Melayu* sebagai wadah yang sah bagi menjelaskan Persuratan Baru. Langkah ini dianggap tidak keterlaluan kerana seperti yang diakui Mohd Affandi sendiri, soal poligami (seksualiti) dan Persuratan Baru sedia terjalin dengan erat serta dapat memberi “implikasi tersendiri” (ungkapan beliau sendiri) dalam usaha memahami *Pujangga Melayu*.

Bertolak daripada pemahaman tentang kaitan yang erat antara persoalan seksualiti dengan gagasan Persuratan Baru dalam *Pujangga Melayu*, perbincangan ini akan membicarakan perkara-perkara penting yang mendasari gagasan persuratan tersebut. Selain tidak menafikan pentingnya Persuratan Baru difahami secara komprehensif, perbincangan mengenainya akan hanya tertumpu pada aspek-aspek penting yang akan digunakan dalam analisis teks nanti. Tumpuan ini turut mengambil kira soal keterbatasan ruang serta kepentingan fokus perbincangan yang lebih tertumpu pada soal seksualiti.

## GAGASAN PERSURATAN BARU OLEH MOHD. AFFANDI HASSAN

Secara umum, gagasan Persuratan Baru bertolak daripada tiga falsafah penting yang menunjangi keseluruhan gagasan Mohd. Affandi tentang kesusasteraan, iaitu: “Hakikat Insan,” “Hakikat Ilmu serta Amal” dan “Hakikat dan Fungsi Sastera”. Pada tahap yang paling dasar, ketiga-tiga falsafah tersebut ditegakkan atas paksi *Taklif*, yang memperakukan hakikat keterikatan manusia dengan janjinya kepada Penciptanya. Pemahaman tentang *Taklif* ini dapat diperjelaskan melalui ayat al-Quran Surah al-Araf, ayat 172, yang antara lain bermaksud:

Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): “Bukankah Aku ini Tuhanmu?” Mereka menjawab: betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi”. (Kami lakukan yang demikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan: “Sesungguhnya kami (bani Adam) adalah orang-orang yang lengah terhadap ini (keesaan Tuhan).

Petikan ayat al-Quran di atas jelas menerangkan hakikat penciptaan manusia yang bertolak daripada pertanyaan Allah s.w.t., iaitu *alastu birabbikum?* (bukankah aku ini Tuhanmu?) yang ditujukan kepada jiwa manusia (ketika masih di Alam Roh) tentang kesediaan mereka sama untuk menyembah-Nya. Ayat al-Quran tersebut juga dengan jelas menerangkan bahawa pertanyaan Allah s.w.t. itu kemudiannya disambut oleh roh manusia dengan ikrar dan janji untuk menyembah Penciptanya, sebagaimana yang jelas pada ungkapan *bala shahid naa* (betul [Engkau Tuhan Kami], kami menjadi saksi). Menurut Mohd Affandi, isi penting yang terkandung dalam jawapan manusia kepada Allah s.w.t. ialah “janji” seorang hamba yang sanggup memperakukan keesaan Penciptanya. Dalam konteks ini, Mohd Affandi menjelaskan bahawa isi kandungan ayat al-Quran di atas menjadi dalil terhadap termeterainya “perjanjian azali” (*primordial contract*) antara manusia dengan Allah s.w.t., yang mengandungi ikrar manusia untuk melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan Penciptanya (*amar ma'ruf nahi mungkar*), sebagaimana yang ditetapkan syariat Islam. Dalam konteks ini, perlu difahami pandangan Al-Attas yang menganggap terkandung dalam “perjanjian azali” tersebut ialah “hakikat hutang penciptaan dan kejadian” (*nature of the debt of creation and existence*) yang menjadi asas kepada hubungan antara manusia dengan Pencipta mereka (Al-Attas 1976: 52-53). Menurut Al-Attas, hakikat tersebut meletakkan manusia sebagai “pihak yang berhutang” (*debtor*) yang sentiasa terikat dengan hutang kepada Pencipta (*creator*) mereka, yang telah menjadikan manusia dengan sebaik-baik kejadian. Pemahaman ini juga menimbulkan “rasa keberhutangan” (*indebtedness*) manusia, yang kemudiannya mengikat seluruh aspek kehidupan mereka di muka bumi pada Hakikat Allah s.w.t. Ini menyebabkan segala yang ada pada diri manusia itu dianggap sebagai milik abadi Penciptanya yang dipinjamkan secara sementara kepada mereka. Ini dijelaskan Al-Attas (1976: 53) dalam petikan di bawah:

The nature of the debt of creation and existence is to tremendously total that man, the moment he is created and given existence, is already in a state of utter loss, for he possesses really nothing himself, seeing that everything about him and in him and from him is what the Creator owns Who owns everything.

Lanjutan itu, adalah penting untuk difahami bahawa pengertian *Taklif* turut meletakkan “rasa keberhutangan” tersebut sebagai “fitrah” manusia (disebut Al-Attas sebagai *natural inclination/tendency*), sebagaimana yang dijelaskan Mohd Affandi (1992: 15):

...secara tabii manusia sentiasa ingin mengenal Tuhan dan berbakti kepada-Nya dan ingin berbuat baik, sebab secara semula jadi ia [manusia] mempunyai sifat bersih suci, iaitu *fitrah*.

Dapat dikatakan bahawa soal “fitrah” telah memperkuuhkan pemahaman Mohd Affandi tentang *Taklif* yang tidak ditanggapi beliau sebagai satu “bebani” yang diletakkan ke atas bahu manusia, meskipun pengertian *Taklif* dalam bahasa Arab itu secara literalnya memberi pengertian yang sedemikian (Baalbaki 1997: 361; Mohd Zariat 2003: 29-62). Dalam konteks ini, Mohd Affandi menyenangi takrifan *Taklif* yang dihuraikan Shah Wali Allah Al-Delhi (1996:199 & 238) dengan pengertiannya merujuk kepada “tanggungjawab” manusia terhadap “janji” mereka dengan Penciptanya. Adalah jelas bahawa pengertian *Taklif* seumpama ini sejajar dengan “hakikat hutang penciptaan dan kejadian” yang dianggap Al-Attas menjadi asas hubungan manusia dengan Allah s.w.t., seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

Seterusnya, yang penting untuk difahami ialah pengertian dan pemahaman *Taklif* di atas itu telah dijadikan Mohd Affandi sebagai paksinya untuk menegakkan gagasan persuratan beliau. Tertegaknya paksi *Taklif* dalam Persuratan Baru jelas apabila Mohd Affandi menghuraikan pengertian dan peranan manusia sebagai “Insan” (Hakikat Insan), yang bertolak daripada matlamat penciptaan manusia ke muka bumi, untuk beribadat kepada Allah s.w.t., sebagaimana yang dijelaskan:

...tujuan kejadian manusia itu, *sebenarnya*, hanyalah untuk menyembah dan beribadat kepada Allah. [Huruf condong dikekalkan.] (Mohd. Affandi 1992: 15)

Sehubungan itu, Mohd Affandi menjelaskan bahawa penciptaan manusia ke muka bumi diiringi tugas mereka sebagai “Hamba Allah s.w.t.” yang dituntut untuk melaksanakan ibadat kepada Penciptanya. Dalam hal ini, beliau berpendapat meskipun menjadi hamba, tugas tersebut tidak membuat manusia sebagai hamba yang submisif yang hanya tahu menyerahkan secara mutlak segala urusan kehidupannya kepada Allah s.w.t. Sebaliknya, manusia, menurut beliau, dikurniai keupayaan akal yang tinggi (istilah *judicious power* daripada Al-Attas) yang dapat dimanfaatkan dalam mengenal dan membezakan baik buruk sesuatu perkara. Dengan kelebihan akal itu, manusia mengikut pandangan Mohd Affandi diberikan “kebebasan” dalam menentukan pilihan terhadap perkara-perkara tersebut dan

seterusnya melaksanakan pilihannya, mengikut yang dikehendaki diri sendiri. Keupayaan akal yang tinggi itu turut melayakkan manusia untuk diamanahkan dengan tugas sebagai “Khalifah Allah s.w.t. di Bumi” (*Khalifata Llah fil al-Ard*), yang dituntut untuk mentadbir segala isi bumi dengan sebaik-baik pentadbiran (Mohd Affandi 1992: 16). Pada tahap ini, perlu untuk difahami pandangan beliau yang menjelaskan dua tugas manusia dalam konteks pengertian dan kedudukan mereka sebagai “Insan”, iaitu sebagai “Hamba Allah s.w.t.” yang dituntut untuk beribadat kepada Penciptanya, dan “Khalifah Allah s.w.t. di Bumi” yang diamanah untuk mentadbir semesta.

Selanjutnya Mohd Affandi menjelaskan tugas yang terakhir itu, pada satu segi sentiasa mendedahkan manusia kepada kemudaratannya, dalam erti kata memberi kemungkinan terhadap penderhakaan manusia kepada Pencipta mereka. Ini menurut beliau kerana keupayaan akal yang tinggi serta “kebebasan” memilih dan bertindak yang melayakkan manusia menjadi “Khalifah Allah s.w.t. di Bumi” boleh memperdayakan manusia yang terpesona dengan kelebihan tersebut. Mengikut Mohd Affandi keterpesonaan terhadap kelebihan akal itulah yang mendorong manusia menjadi “penderhaka yang hebat” serta berani mengkhianati “perjanjian azali” yang dimenterai di hadapan Allah s.w.t (1992: 17). Selain itu, penderhakaan tersebut juga menurut Mohd Affandi turut dipengaruhi sifat “pelupa” (*nisyam*) yang secara tabiinya juga dimiliki manusia. Dalam hal ini, adalah signifikan untuk diamati pandangan Al-Attas (1990: 3) tentang asal perkataan “Insan” (gelaran untuk manusia) yang menurut beliau berasal daripada perkataan *nasiya* dalam bahasa Arab, yang bermaksud “lupa”. Sifat “pelupa” manusia inilah yang menarik perhatian Persuratan Baru, dan menjadi ketara apabila Mohd Affandi menjelaskan bahayanya sifat tersebut yang mendorong manusia bertindak zalim (*zulm*) dalam kehidupan mereka. Kezaliman yang dimaksudkan beliau merujuk kepada kegagalan manusia yang tidak lagi dapat meletakkan sesuatu pada kedudukannya yang tepat di sisi Allah s.w.t., atau disebut Al-Attas sebagai *the loss of adab*. Seterusnya, aspek lain yang penting dalam perbincangan Mohd Affandi tentang “Hakikat Insan” ialah soal tipu daya syaitan dan godaan hawa nafsu manusia, yang menurut beliau sentiasa mengajak manusia membuat jahat di sisi Islam dan sekali gus mengkhianati “perjanjian azali” mereka. Adalah penting untuk dijelaskan bahawa godaan hawa nafsu manusia meliputi naluri dan keinginan manusia yang bersifat kejantinaan (seksualiti), yang menjadi fokus dalam perbincangan ini. Dalam konteks ini, tidak keterlaluan jika dikatakan keinginan semula jadi manusia terhadap seks menjadi “senjata” kepada syaitan untuk memperdayakan manusia. Ini dijelaskan Bouhdiba dalam perbincangannya tentang seksualiti yang ditinjau menurut perspektif Islam:

...he [merujuk kepada Iblis] saw that Adam was hollow and bellied (*ajwaf*), he realized that he saw that he has been made in such a way [merujuk sifat “pelupa”] that he could not control his sexual appetite. There is a continuity from the idea of sexuality, a remembrance or token of God’s trust, to that of Adam, bellied and hollowed and handed over to the power of Satan from the outset (1985: 59)

Yang ketara ialah rangkuman antara desakan hawa nafsu manusia dengan kelicikan tipu helah syaitan yang diperhebatkan lagi dengan sifat “pelupa” manusia. Kesemuanya itu memberi kemungkinan terhadap pelanggaran ikatan *Taklif* sebagaimana disimpulkan Mohd Affandi (1992: 18):

Kerana adanya pengaruh syaitan dan dorongan yang kuat daripada sifat-sifat negatif dan unsur-unsur marah, hawa nafsu dan sebagainya, maka manusia lupa kepada dua tugas utamanya sebagai makhluk: Tugas sebagai hamba Allah, dan sebagai khalifah-Nya di bumi.

Kesedaran terhadap besarnya implikasi sifat “pelupa” manusia telah mendorong Mohd Affandi untuk mengejapkan gagasan Persuratan Baru dengan matlamat kesusasteraan untuk memberi pengajaran dan peringatan tentang “perjanjian azali”, yang ditangani sebagai satu kebenaran di sisi Allah s.w.t. Tugas manusia untuk mengajar dan mengingat manusia yang lain tentang “kebenaran di sisi Allah s.w.t.” tersebut terkandung dalam ayat al-Quran Surah al-A’sr, ayat 2-3, yang antara lain bermaksud:

Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menepati kesabaran.

Seterusnya, memberi pengajaran dan peringatan kepada manusia tentang kebenaran di sisi Allah s.w.t. telah juga mendasari pemahaman Mohd Affandi tentang “Hakikat Ilmu dan Amal”. Ini jelas apabila Persuratan Baru menetapkan bahawa kepentingan “ilmu yang benar”, yang menjadi asas kepada amal dan perbuatan manusia di muka bumi. Terkandung dalam pengertian “ilmu yang benar” ialah soal tahu dan kenalnya manusia kepada Pencipta mereka yang telah mencipta dan mengurniakan manusia dengan dua tugas penting yang dinyatakan tadi. Dengan kata lain, “ilmu yang benar” menurut beliau, merujuk kepada “ilmu” yang dapat menjadikan manusia mengetahui dan mengenali Pencipta mereka, yakni Allah s.w.t., dan sekali gus menjadikan mereka faham akan dua tugas yang perlu dilaksanakan sepanjang hidup di muka bumi. Ini dijelaskan beliau:

Dari sudut mana pun dilihat, ilmu dalam pengertiannya yang hakiki, yang dimaksudkan Islam, ialah kenalnya manusia pada Allah melalui tanda-tanda yang diperlihatkan-Nya kepada manusia dan betulnya tafsiran manusia kepada tanda-tanda itu (Mohd Affandi 1992: 20)

Berdasarkan petikan ini, pemahaman Mohd Affandi tentang “ilmu yang benar” berkait rapat dengan pengertian “Hakikat Insan” yang bersandarkan pengertian *Taklif*. Ini jelas apabila soal “kenalnya manusia kepada Allah s.w.t.” yang menjadi titik mula kepada hakikat hubungan dan seterusnya keterikatan manusia dengan Penciptanya dijadikan sebagai ukuran penting bagi menilai kebenaran “ilmu”. Ini bertepatan dengan matlamat penerokaan “ilmu” di sisi Islam, yang menurut Al-Attas adalah untuk melahirkan “Insan” dalam erti kata manusia yang dapat memikul dua tugas yang diamanahkan Allah s.w.t.: sebagai

“Hamba Allah s.w.t.” dan sebagai “Khalifah Allah s.w.t. di Bumi”, sebagaimana yang dijelaskan beliau:

...the purpose for seeking knowledge is to inculcate goodness or justice in man ‘as man’ and ‘individual’ self...it is man’s values as real man, as dweller in his self’s city, as citizen in his own microcosmic kingdom (1976: 141)

Penekanan “ilmu yang benar” juga mendorong penekanan Persuratan Baru terhadap soal “adab”. Pemahaman Mohd Affandi tentang “adab” adalah bersandarkan pandangan Al-Attas yang menjelaskan “adab” sebagai perakuan terhadap perbezaan tahap serta kedudukan setiap perkara mengikut kepentingannya di sisi Allah s.w.t. Penekanan “adab” dengan sendirinya menjelaskan perakuan Persuratan Baru terhadap kerelevanan konsep hierarki yang diukur berdasarkan ketetapan Allah s.w.t. (*Divine Order*). Pentingnya segenap aspek kehidupan manusia ditangani mengikut hierarki Allah s.w.t ini telah dijelaskan Al-Attas (1976: 102) dalam petikan berikut:

From the mineral to the vegetal to the animal kingdoms of nature we discern orders of hierarchy from the lowest to the highest. Even among angles there are those in the highest level nearest to God (*al-muqarrabun*).

Pemahaman terhadap konsep hierarki ini sekali gus menjelaskan perakuan Persuratan Baru terhadap sesuatu di satu pihak, dan penafiannya di pihak yang lain, lantaran ia diukur mengikut ketetapan yang telah ditentukan Allah s.w.t. Antara yang paling jelas ialah perakuan Persuratan Baru terhadap kedudukan al-Quran dan as-Sunnah yang difahaminya sebagai sumber ilmu yang tertinggi dan yang paling berautoriti. Perakuan ini dengan sendirinya menafikan kebenaran dalam segala bentuk idea, pemikiran atau wacana yang isi kandungannya itu bertentangan dengan kedua-dua sumber tersebut. Penerapan konsep hierarki di sisi Allah s.w.t. juga jelas apabila Persuratan Baru memperakui kesempurnaan peribadi Rasulullah s.a.w. yang diiktiraf sebagai *Uswah Hasanah* (Contoh Ikutan yang Baik) yang menafikan kesahan nilai-nilai yang bertentangan dengannya, seperti yang akan dijelaskan dalam perbincangan tentang “Hakikat dan Fungsi Sastera” nanti. Pada tahap ini, penekanan Persuratan Baru terhadap matlamat untuk mengajar dan mengingatkan manusia tentang kebenaran di sisi Allah s.w.t. diiringi perakuan dan pengutamaannya terhadap perkara tertentu di satu pihak, serta penafian dan peminggirannya terhadap perkara tertentu di pihak yang lain.

Pemahaman di atas dapat diperjelaskan dalam perbincangan tentang “Hakikat dan Fungsi Sastera” yang menjadikan “Hakikat Insan” serta “Hakikat Ilmu dan Amal” sebagai asas bagi memahami makna dan fungsi kesusasteraan. Ini adalah ketara apabila pengertian *Taklif* yang memperakuan keterikatan manusia dengan tugas sebagai “Hamba Allah s.w.t.” dan “Khalifah Allah s.w.t. di Bumi” menjadi asas pemahaman Persuratan Baru tentang peranan golongan penulis di sisi Islam. Hakikat kejadian manusia sebagai “Insan” yang diciptakan dengan beberapa kelebihan, seperti kemampuan akal yang tinggi dan fitrah untuk berbuat

kebaikan di satu pihak, dan beberapa kelemahan seperti godaan hawa nafsu, tipu daya syaitan dan sifat “pelupa” di pihak yang lain, meletakkan hakikat dan fungsi sastera menurut Persuratan Baru sebagai alat untuk mengajar dan mengingatkan manusia tentang kebenaran di sisi Allah s.w.t. Adalah jelas dalam hakikat dan fungsi sastera yang sebegini, soal mengenal dan memahami Hakikat Ketuhanan menjadi matlamat akhir kesusasteraan, yang dimanifestasikan melalui pengajaran dan peringatan tentang “perjanjian azali” antara manusia dengan Penciptanya. Matlamat akhir tersebut, iaitu mengenal dan memahami Hakikat Ketuhanan itu sejajar dengan tuntutan *Taklif*, dan dengan itu, meletakkan kegiatan sastera menurut Persuratan Baru ke dalam lingkungan dua tugas manusia, iaitu sebagai “Hamba Allah s.w.t.” dan “Khalifah Allah s.w.t. di Bumi”. Dengan kata lain, Persuratan Baru di satu pihak meletakkan kegiatan sastera sebagai satu bentuk “ibadah” hamba kepada Penciptanya, yang dilakukan dengan niat dan cara pelaksanaannya yang benar di sisi Allah s.w.t. Di pihak yang lain, pengarang yang melaksanakan kegiatan tersebut mengikut prinsip yang sedemikian dianggap telah menyempurnakan tugas mereka sebagai “Khalifah Allah s.w.t. di Bumi” yang dituntut untuk mentadbir alam semesta dengan sebaik-baik pentadbiran, yakni mengajar dan mengingat manusia tentang kebenaran di sisi Allah s.w.t. melalui hasil karangan mereka.

Bertunjangkan kedua-dua tugas tersebut, Persuratan Baru menekankan pentingnya hakikat dan fungsi sastera diukur berlandaskan pengertian dan fungsi *Qalam* (disebut Seyyed Hossien Nasr sebagai *Divine Pen* atau “Pena Allah s.w.t.”). Pengertian *Qalam* merujuk kepada kegiatan karang-mengarang, kegiatan yang menjadikan aktiviti “menulis-membaca” sebagai asasnya. Dalam konteks ini, Mohd Affandi menjelaskan terangkum dalam pengertian dan fungsi *Qalam* ialah kegiatan karang-mengarang yang dilaksanakan manusia bertunjangkan matlamat untuk menyampaikan “ilmu yang benar”. Ini dijelaskan beliau selanjutnya:

...penggunaan kalam [ejaan yang lebih tepat ialah *Qalam*] dalam Islam dihubungkan dengan ilmu, dan ini dalam operasinya selalu ditunjukkan dalam tujuan ilmu itu, iaitu untuk membawa manusia pandai membaca ayat-ayat Allah dan dengan itu dapat meletakkan dirinya dalam perspektif yang betul (1992: 23)

Pemahaman Mohd Affandi di atas turut bersandarkan firman Allah s.w.t. dalam *Surah al-Alaq*, ayat 4-5, yang menjelaskan pengertian dan fungsi *Qalam* yang dapat mengajar manusia tentang kebenaran di sisi Allah s.w.t., sebagaimana pengertiannya yang antara lain bermaksud:

Yang mengajar (manusia) dengan perantaraan Qalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya.

Dalam konteks pengertian “Insan”, perlu difahami bahawa fungsi *Qalam* juga sejajar dan menepati kemampuan akal manusia, yang pada satu aspek dicipta dengan keupayaan untuk berfikir dan memahami tentang Hakikat Allah s.w.t. Pada aspek yang lain, akal manusia turut memiliki kelebihan untuk mengajar dan

mengingatkan manusia yang lain tentang Hakikat Allah s.w.t., melalui hasil-hasil penulisan mereka.

Dalam konteks ini, pemanfaatan fungsi akal (yang meliputi kedua-dua aspek tersebut) kepada matlamat untuk mengajar dan mengingatkan manusia tentang kebenaran di sisi Allah s.w.t. dianggap menepati tuntutan *Taklif*, dan dengan itu dapat memenuhi kedua-dua tugas manusia di muka bumi. Keupayaan akal manusia yang disalurkan mengikut pengertian dan fungsi *Qalam*, menurut Mohd Affandi, adalah sejajar dengan huraian Muhammad Asad tentang pengertian dan fungsi *Qalam* yang menjadi simbol kepada kegiatan karang-mengarang yang diterajui pengarang, yang mengarang dengan tujuan untuk mengajarkan “ilmu” kepada manusia lain, melalui hasil karangan mereka. Muhammad Asad menghuraikannya:

The “pen” [merujuk *Qalam*] is used here as a symbol for the art of writing or, more specifically, for all knowledge recorded by means of writing.... Man’s unique ability to transmit, by means of written records, his thoughts, experiences and insights from individual to individual, from generation to generation and from one cultural environment to another endows all human knowledge with a cumulative character (1980: 963).

Lanjutan daripada pemahaman itu, adalah penting dirujuk semula perbincangan tentang “Hakikat Insan” serta “Hakikat Ilmu dan Amal” yang meletakkan “adab” pada kedudukan yang paling penting. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini “adab” merujuk perakuan terhadap keutamaan sesuatu perkara mengikut kedudukannya di sisi Allah s.w.t. (*Divine Order*). Dalam konteks kesusasteraan mengikut Persuratan Baru, “adab” merujuk kepada perakuan terhadap keutamaan sesuatu perkara, yang antaranya merangkumi ketetapan, nilai, suruhan dan larangan yang berkaitan dengan penghasilan dan penghayatan sastera. Pemahaman tentang “adab” dalam konteks kesusasteraan ini dengan sendirinya menjelaskan idea pokok Persuratan Baru, iaitu keutamaan ilmu dan subordinasi cerita terhadap ilmu. Idea pokok tersebut diperkuuhkan lagi dengan pegangan terhadap pengertian “ilmu yang benar”, yang menjelaskan penekanan Persuratan Baru terhadap idea, pemikiran dan wacana yang berteraskan al-Quran dan as-Sunnah, selain interpretasi yang jelas meletakkan sesuatu seperti ketetapan, hukum atau nilai pada kedudukannya yang tepat di sisi Allah s.w.t. Pemahaman ini seterusnya turut menjelaskan penekanan Persuratan Baru terhadap konsep-konsep seperti *Uswah Hasanah*, yang mengutamakan pemaparan dan penonjolan watak-watak yang berkeperibadian tinggi serta terpuji, dan meminggirkan pemeragaan watak-watak yang tidak bermoral di sisi Islam (Mohd Zariat 2004b). Perakuan/keutamaan serta penafian/peminggiran Persuratan Baru terhadap perkara-perkara ini dengan sendirinya memetakan dengan jelas batas-batas tentang apa yang wajar dan tidak wajar ditangani, diungkap atau diperikan dalam karya sastera. Yang lebih penting ialah pengertian *Taklif* yang menjadi paksi kegiatan sastera menurut Persuratan Baru, meletakkan batas-batas tersebut sebagai satu ukuran yang pasti dan tidak berubah-ubah. Dengan kata lain, ia bersifat “mutlak”. Justeru, perlanggaran kayu ukur tersebut ditanggapi Persuratan Baru sebagai satu manifestasi “kehilangan adab” yang menandakan

berlakunya “kezaliman” dalam kegiatan sastera, iaitu apabila perkara yang bertentangan atau tidak menggambarkan secara tepat tentang hakikat *Taklif* dijadikan tunggak dalam penghasilan dan penghayatan karya sastera. Lebih tepat lagi, Persuratan Baru menetapkan sastera yang “kehilangan adab” sebagai manifestasi penderhakaan manusia kepada Penciptanya serta pengkhianatan terhadap “perjanjian azali”, dan dengan ini menggagalkan matlamat kesusasteraan di sisi Islam, iaitu menyampaikan “ilmu yang benar”.

Perbincangan di atas berusaha untuk melakarkan beberapa falsafah penting yang mendasari gagasan Persuratan Baru. Falsafah tersebut berguna dalam pemahaman tentang soal kejantinaan dalam novel yang dikaji di satu pihak dan turut mengukur keupayaan novel sebagai wadah penyampaian idea di satu pihak yang lain. Sehubungan itu, perlu diingat kembali pengakuan Mohd Affandi tentang pentingnya poligami dalam *Pujangga Melayu* ditangani secara bersepada dengan Persuratan Baru. Dalam konteks ini, pemahaman seksualiti dalam *Pujangga Melayu* akan diukur berdasarkan ukuran *Taklif*, iaitu paksi yang menegakkan gagasan Persuratan Baru. Hal ini menjelaskan perlunya perbincangan ini memanfaatkan pandangan lain tentang seksualiti Islam, guna mengukur ketepatan pandangan Mohd Affandi tentang soal kejantinaan dipersepsikan mengikut pemahaman Islam. Selain itu, matlamat perbincangan untuk mengenal pasti keupayaan *Pujangga Melayu* sebagai wadah penyampaian idea pengarangnya telah mendorong pengamatan terhadap aspek bentuk novel yang akan dilakukan secara serentak dengan analisis terhadap pemahaman seksualiti.<sup>6</sup> Berasaskan kerangka ini, analisis seterusnya menumpukan tentang pemahaman seksualiti dalam *Pujangga Melayu*.

#### SEKSUALITI MANUSIA DALAM NOVEL PUJANGGA MELAYU

Novel *Pujangga Melayu* adalah tetralogi yang merangkumkan empat buah novel, iaitu *Jejak Warisan*, *Citra Pujangga*, *Tampang Sasterawan* dan *Wajah Pendeta*. Novel ini mengajukan watak utamanya, Awang, yang lahir dalam keluarga Melayu yang menitikberatkan pendidikan yang berteraskan adab dan nilai-nilai Islam. Penekanan tersebut telah membentuk keperibadian Awang menjadi lelaki yang berhemah tinggi dan cemerlang dalam pencapaian akademik. Ini jelas apabila Awang terpilih untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Cambridge (dalam bidang perubatan) di peringkat Sarjana Muda dan Universiti Harvard (dalam bidang falsafah Islam) di peringkat kedoktoran. Dengan pencapaian akademik yang cemerlang, Awang kemudiannya memegang jawatan profesor di universiti tempatan, selain menjadi pengarang yang terkenal dengan gagasan persuratan yang berbeza daripada sasterawan lain di tanah air. Kedudukan Awang sebagai profesor dan pengarang membolehkan *Pujangga Melayu* untuk membicarakan gagasan Persuratan Baru dalam bentuk kreatif. Turut relevan ialah kehidupan kelamin profesor Awang yang mengamalkan poligami dengan empat orang isterinya, iaitu Tengku Aini Faridah, Dr. Aisyah, Dr. Faridah dan Dr. Salasiah.

Sebelum dianalisis, perlu dibincangkan idea pokok “keutamaan ilmu” dan “subordinasi cerita kepada ilmu” dalam Persuratan Baru. Perbincangan itu boleh menjelaskan kecenderungan yang berkaitan bentuk yang mempengaruhi pemahaman isi novel tentang seksualiti. Idea “keutamaan ilmu” ini mendorong Persuratan Baru untuk mengutamakan “wacana” yang di dalamnya terkandung idea dan pemikiran pengarang tentang perkara yang digarap dengan cara penulisan yang bersifat ilmiah. Aspek keilmiahan ini dapat dilihat pada pengutaraan idea dalam novel yang dilakukan secara tersusun, lengkap dengan huraian dan contoh bagi memperkuuhkan idea yang diajukan. Dari segi bentuk, ciri keilmiahan dinilai melalui ketelitian dalam penggunaan bahasa, terutamanya pemilihan perkataan, istilah dan ungkapan yang tepat dalam menampung idea, di samping penggunaan bentuk penulisan seperti khutbah, dialog-debat, monolog atau sisipan untuk menjelaskan lagi idea. Selain itu, cerita yang diletakkan pada kedudukan yang subordinat kepada wacana pula dapat dikenalpasti melalui kehadiran komponen naratif, seperti watak, konflik, plot dan unsur ketegangan yang digembung bagi memajukan cerita. Penerapan idea “ilmu-cerita” ini menjelaskan adanya bentuk “wacana” dan bentuk “cerita” yang dapat dibezakan mengikut ciri-ciri di atas. Pengamatan di tahap ini adalah untuk menjelaskan pemahaman tentang seksualiti manusia dalam *Pujangga Melayu* yang disampaikan melalui dua bentuk: “wacana” dan “cerita”. Analisis seterusnya akan membincangkan wacana tentang seksualiti dalam *Pujangga Melayu*, di samping menginterpretasi cerita untuk memahami fungsi masing-masing, termasuk soal dominasi dan kesejarahannya dengan falsafah yang mendasari Persuratan Baru.

#### HAKIKAT NALURI KEJANTINAAN INSAN

Telah dinyatakan sebelum ini bahawa *Pujangga Melayu* menjadikan kehidupan profesor yang berpoligami sebagai ceritanya. Paparan kisah ini dengan sendirinya menjustifikasikan kehadiran beberapa pemahaman tentang seksualiti yang disampaikan melalui bentuk wacana. Antara yang paling jelas ialah pemahaman tentang pentingnya naluri kejantinaan manusia dipelihara supaya sentiasa dalam keadaan yang sejahtera. Di sini, kesejahteraan merujuk kepada keadaan nafsu seks manusia yang terkawal dan tidak mendorong kepada perbuatan yang keji di sisi Allah s.w.t. Dalam konteks ini, novel ini menjelaskan pentingnya naluri kejantinaan diikat dengan peraturan tertentu. Pandangan ini dengan jelas memperlihatkan kecenderungan *Pujangga Melayu* terhadap pemahaman Islam, yang menuntut supaya naluri kejantinaan manusia diikat dengan garis panduan dan hukum-hukum Islam, seperti yang dijelaskan dalam novel terbitan tahun 1997 (702-703):

Dalam kehidupan lelaki dan perempuan dalam agama Islam telah ditetapkan batas-batas yang tidak boleh dilanggar. Sehubungan itu, novel ini menjelaskan meskipun naluri

kejantinaan merupakan kecenderungan yang bersifat semula jadi manusia, namun tidak semestinya perlu dituruti dan jauh sekali mendominasi kehidupan manusia.

Dalam konteks ini, novel ini mengajukan pandangan pengarang yang meletakkan naluri kejantinaan manusia pada kedudukan yang subordinat kepada agama. Dengan kata lain, naluri yang bersifat semula jadi itu hanya disalurkan pada saluran yang direhdai Allah s.w.t., seperti yang dijelaskan:

...keinginan [kejantinaan] itu hanya terlaksana dalam makna yang lebih murni jika orang cintakan agamanya. Maknanya, dia [merujuk kepada manusia] tidak menjadikan keinginan tabii itu sebagai tujuan atau matlamat hidupnya, tetapi memuaskan keinginan tabii itu mengikut saluran agama... (1997: 264-265).

Dapat dikatakan bahawa pandangan novel yang terserlah dalam petikan di atas adalah seajar dengan pengertian seksualiti Islam yang diukur berdasarkan kerangka *Taklif*. Sehubungan itu, perlu difahami bahawa dalam menangani naluri kejantinaan manusia, Islam memperakui hakikat keterikatan naluri tersebut dengan “perjanjian azali” yang termenteri di hadapan Allah s.w.t. Ini bererti bahawa janji manusia untuk menyembah Penciptanya dengan melaksanakan kemakrufan dan meninggalkan kemungkaran seperti yang dijelaskan pada awal perbincangan ini, iaitu meliputi kesediaan manusia untuk mengawal dan memelihara nafsu seks (disebut sebagai “kemaluan mereka”) daripada perbuatan yang keji dan mungkar di sisi Islam, seperti yang terkandung al-Quran Surah al-Mu’minun, ayat 1-8, yang antara lain bermaksud:

Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman, iaitu orang-orang yang khusyu’ dalam shalatnya, dan orang-orang yang menjauhi diri dari (perbuatan dan perkataan) yang tidak berguna, dan orang-orang yang menunaikan zakat, dan orang-orang yang menjaga kemaluannya, kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau budak-budak yang mereka miliki; maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tiada tercela. Barangsiapa mencari yang di balik itu maka mereka itulah orang-orang yang melampaui batas. Dan orang-orang yang memelihara amanat-amananat (yang dipikulnya) dan janjinya.

Petikan ayat al-Quran di atas diturunkan sepenuhnya kerana ia memperlihatkan pengakuan Allah s.w.t. terhadap kemuliaan manusia yang mengotakkan janji, termasuk yang “memelihara kemaluan mereka” (*lifurujihim hafizun*) daripada perbuatan yang keji dan mungkar di sisi Allah s.w.t.

Terkandung dalam ungkapan itu ialah pengertian yang merujuk dan mencakupi soal seksualiti dan soal menangani naluri kejantinaan manusia. Pemahaman seksualiti yang dikejapkan pada kerangka *Taklif* jelas menuntut supaya naluri kejantinaan manusia disalurkan kepada perbuatan yang makruf. Dengan itu, ia menjadi amal soleh (ibadah) manusia yang direhdai Penciptanya. Pemahaman ini pada satu segi dapat diperkuuhkan dengan penjelasan Bouhdiba (1985: 247-249) yang merangkumkan pengertian seksualiti di sisi Islam dengan ibadah manusia kepada Allah s.w.t. Ini telah dijelaskan beliau dalam petikan di bawah ini:

...the Islamic faith, founded on the meaning of the dialogue with God [merujuk kepada “perjanjian azali”] and orientated toward the vision of God, was able to integrate the orgasm into the transcending self. The exercise of sexuality was prayer, a gift of oneself, an act of charity.... Now the meaning of Islam cannot be dissociated from that of sexuality.

Keterikatan naluri kejantinaan dengan “perjanjian azali” di satu pihak dan kedudukannya sebagai ibadah kepada Allah s.w.t. di pihak yang lain menjelaskan pemahaman Islam tentang naluri kejantinaan manusia yang terikat dengan kerangka *Taklif*. Yang ketara ialah perakuan *Pujangga Melayu* terhadap keterikatan naluri kejantinaan manusia dengan hukum dan peraturan Penciptanya, seperti yang dijelaskan di atas, dan jelas memperlihatkan pandangan novel ini yang akur pada kerangka *Taklif*.

Perakuan *Pujangga Melayu* terhadap kerangka *Taklif* semakin jelas bila novel ini menjelaskan pentingnya manusia memelihara kesucian fitrah yang suci, dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antaranya ialah peraturan tentang pergaulan lelaki-perempuan yang digariskan syariat Islam atau juga disebut sebagai hukum aurat. *Pujangga Melayu* menanggapi soal pergaulan lelaki-perempuan sebagai persoalan yang serius, lantaran dianggap dapat mendedahkan manusia kepada fitnah, termasuk perbuatan zina yang dimurkai Allah s.w.t. Dalam konteks ini, novel ini menjelaskan peredaran masa dan perkembangan zaman telah banyak mendedahkan manusia kepada pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan. Menurut novel ini, adalah penting bagi setiap lelaki dan wanita Islam mempertahankan kemuliaan sebagai “Insan” dengan mematuhi adab dan batas *aurat* yang telah ditetapkan syariat Islam, seperti yang dijelaskan dalam novel ini melalui bentuk di bawah ini:

...seorang lelaki tidak boleh bergaul bebas dengan seorang perempuan yang disukainya, kerana adanya batas-batas itu....Lain halnya perhubungan lelaki sesama lelaki, tidak ada batas-batas yang dikenakan terhadap pergaulan antara lelaki dan perempuan tadi. Mereka boleh bebas ke mana saja, tanpa sebarang keraguan dan larangan. Dalam kehidupan moden yang begitu terdedah dengan segala macam godaan dan pancaroba, seseorang lelaki dan perempuan Islam harus berhati-hati dalam pergaulan mereka. Tidak boleh bebas sama sekali...pergaulan mesti dijaga serta dikawal supaya tidak melampaui batas-batas itu. Itulah adab kita (1997: 703)

Petikan di atas jelas memperlihatkan pendirian *Pujangga Melayu* yang tidak berkompromi dalam soal keterbatasan pergaulan lelaki dan perempuan Islam. Pendirian tersebut tidak pula bercanggah dengan pemahaman Islam mengenai perkara tersebut yang termaktub dalam hukum aurat yang digariskan syarak. Persoalan aurat ini turut ditangani Bouhdiba dalam perbincangan beliau tentang seksualiti Islam yang jelas melakarkan pemahaman bahawa persoalan aurat di sisi Islam bukan sahaja meliputi soal pemeliharaan anggota tubuh tertentu daripada penglihatan umum, tetapi juga merangkumi komunikasi dan interaksi antara manusia serta implikasinya dalam kehidupan masyarakat. Selain itu, perlu dijelaskan bahawa garis panduan dan hukum berkenaan aurat ini bukan sahaja

menangani pergaulan antara jantina yang berlawanan, tetapi juga sesama jantina (Bouhdiba 1985: 37). Soal implikasi dalam konteks hidup bermasyarakat adalah antara perkara yang diberi perhatian serius oleh hukum aurat di sisi Islam. Perhatian ini antaranya merujuk kepada soal “fitnah” yang boleh menjelaskan keharmonian hidup manusia. Perkaitan antara soal “fitnah” dengan soal seksualiti manusia terkandung dalam penjelasan Mohammad Hashim Kamali (1993: 192) yang menghuraikan pengertian “fitnah” di sisi Islam, yang juga merujuk kepada kemaksiatan yang berlaku akibat dorongan nafsu seks manusia dan hasutan iblis. Di sini, pemeliharaan anggota tubuh manusia dan batasan pergaulan lelaki-perempuan memainkan peranan penting kerana ia dapat mengurangkan kemungkinan yang menjurus kepada ransangan nafsu seks. Pemahaman ini terkandung dalam tulisan Tove Stang Dahl (1997: 133) yang mentakrifkan pengertian aurat dalam bahasa Arab yang secara literalnya bermaksud “kawasan yang lemah dan terdedah”. Pengertian “lemah” dan “terdedah” yang merujuk kepada bahagian tubuh manusia dapat menjelaskan hubungkaitnya dengan kemungkinan berlakunya kemaksiatan atau “fitnah”. Dalam erti kata, bahagian tubuh manusia yang terdedah boleh meransang hawa nafsu. Pemahaman tentang aurat yang ditinjau daripada perspektif Islam ini memperkuatkan pandangan *Pujangga Melayu* yang mempertahankan perlunya pergaulan antara lelaki dengan perempuan dipelihara dengan hukum aurat yang ketat.

Perbincangan tentang naluri kejantinaan ini diperluaskan lagi apabila novel ini membangkitkan penyaluran naluri. Sehubungan itu, perakuan *Pujangga Melayu* terhadap keterikatan naluri kejantinaan manusia dengan kerangka *Taklif* pada satu segi tidak menafikan kedudukannya sebagai naluri semula jadi yang dikurniai Allah s.w.t. kepada setiap manusia. Justeru itu, novel ini menjelaskan keterikatan naluri kejantinaan meliputi soal penyalurannya. Dengan kata lain, ia boleh disalurkan, tetapi hanya pada saluran yang dihalalkan Allah s.w.t. Dalam konteks ini, *Pujangga Melayu* mengutarakan ikatan pernikahan sebagai saluran yang diperuntukkan secara sah oleh Allah s.w.t. kepada manusia bagi tujuan penyaluran naluri tersebut. Termeterinya ikatan pernikahan, menurut *Pujangga Melayu*, dengan sendirinya mencairkan hukum aurat yang sebelum itu membatasi pergaulan lelaki-perempuan, seperti yang dijelaskan dalam novel ini:

Dalam kehidupan lelaki dan perempuan dalam agama kita, telah ditetapkan batas-batas tertentu, yang tidak boleh dilanggar. Batas-batas itu hanya boleh dilanggar dengan perkahwinan. Jadi seorang lelaki tidak boleh bergaul bebas dengan seorang perempuan yang disukainya, kerana adanya batas-batas itu. Dia hanya boleh berbuat sebegitu melalui perkahwinan. (1997: 703)

Jelas daripada petikan tersebut bahawa keakuran manusia terhadap ikatan *Taklif* dapat dimanifestasikan melalui kepatuhan mereka yang menjadikan pernikahan sebagai saluran bagi menyalurkan naluri kejantinaan.

Pandangan di atas seajar dengan pemahaman seksualiti Islam yang meletakkan pernikahan sebagai asas penting dalam kehidupan berkelamin antara lelaki dengan perempuan. Kesignifikanan ikatan pernikahan ini jelas apabila “ilmu

“munakahat” yang menyediakan garis panduan tentang garis panduan dan hukum tentang kehidupan bersuami-isteri menjadi satu daripada komponen utama yang mengisi syariat Islam. Dalam hal ini perlu dijelaskan bahawa istilah *munakahat* yang berasal daripada kata *nakaha* dalam bahasa Arab yang bermaksud “nikah-kahwin”. Melalui penjelasan novel, pernikahan di sisi Islam adalah ikatan yang signifikan kerana ia adalah satu-satunya cara yang dapat menghalalkan hubungan jantina antara lelaki dan perempuan yang bukan-mahram. Sesuai dengan kedudukannya sebagai satu-satunya saluran yang diperakukan dengan sendirinya mengenepikan perbuatan zina yang dilarang keras dalam Islam. Penting untuk difahami bahawa fungsinya dapat mengelakkan berlakunya perbuatan yang keji dan mungkar di satu pihak, dan pelaksanaannya yang didorong kepatuhan manusia terhadap perintah Allah s.w.t. di pihak yang lain itu telah menjadikan pernikahan sebagai satu amal soleh manusia (Prickett, 1985:118). Pemahaman ini diperkuuhkan lagi dengan huraiyan Abdullah Yusuf Ali (1938a: 238) yang merangkumkan pernikahan sebagai satu daripada bentuk kepatuhan manusia terhadap “perjanjian azali”, sebagaimana katanya:

We make promise; we enter into a commercial or social contract; we enter into a contract of marriage [nikah]; we must faithfull of fulfill all obligations in all these relation.... Truth and fidelity are parts of religion in all relations of life.

Ketara daripada perbincangan ini ialah kesejajaran pemahaman Islam dengan pandangan *Pujangga Melayu* yang meletakkan soal kejantinaan manusia dalam kerangka *Taklif*. Sejajar dengan pemahaman di atas, novel ini seterusnya mengemukakan pandangan tentang fungsi naluri kejantinaan manusia dengan menjelaskan bahawa naluri kejantinaan manusia hanya berfungsi sebagai pendorong kepada berlakunya perhubungan jantina antara lelaki dengan perempuan, iaitu proses fizikal yang memungkinkan manusia untuk memperolehi zuriat untuk melanjutkan keturunan mereka. Pandangan dalam novel ini menjelaskan matlamat seksualiti manusia yang bertunjangkan maksud *procreation*, iaitu untuk melanjutkan zuriat dan keturunan mereka. Ini menjelaskan penolakan novel ini terhadap aktiviti seksual yang bersandarkan matlamat *recreation*, iaitu keseronokan yang dicapai melalui aktiviti seks. Aktiviti seksual bersifat *procreation* yang diperakukan *Pujangga Melayu* hanya meliputi hubungan jantina yang dilakukan pasangan suami isteri yang mengikat tali pernikahan yang sah di sisi Islam. Pemahaman ini jelas apabila novel ini mengaitkan naluri kejantinaan yang berteraskan maksud *procreation* dengan matlamat untuk melahirkan anak-anak soleh, iaitu anak-anak yang beriman dan taat melaksanakan perintah dan menjauhi larangan Allah s.w.t. Lihat petikan berikut yang jelas maksudnya:

[manusia] ...memuaskan keinginan tabii itu mengikut saluran agama, dengan tujuan untuk mendapat zuriat dan keredaan Allah Taala, supaya hasil daripada keinginan tabii tadi akan lahir anak-anak yang salah (1997: 264-265)

Penting untuk difahami bahawa seksualiti manusia yang bertunjangkan maksud *procreation* serta diiringi matlamat untuk mendapatkan anak-anak yang

soleh seperti yang diutarakan *Pujangga Melayu* itu sejajar dengan pemahaman Islam. Ini jelas dalam pandangan Imam Al-Ghazali (Madelain 1984: 60) yang meletakkan fungsi naluri kejantinaan manusia hanya sebagai pendorong terhadap berlakunya hubungan jantina antara lelaki dengan perempuan. Soal mendapatkan zuriat dan seterusnya melanjutkan keturunan manusia menjadi matlamat utama, berbanding keinginan untuk mencapai keseronokan yang bersifat sementara melalui hubungan fizikal tersebut. Ini jelas terkandung dalam penjelasan beliau:

It is not appropriate to say that the aim is pleasure and the child is a necessary result, just as elimination is a necessary result of eating, not an aim in itself. Rather, the child is the aim by instinct and decree, and sexual desire is merely an inducement thereto [Penekanan ditambah.]

Penekanan terhadap maksud *procreation* ini jelas memperlihatkan pemahaman seksualiti Islam yang berasaskan kerangka *Taklif* terutamanya apabila kelahiran dan kelangsungan keturunan manusia itu dikehajarkan pada matlamat untuk mengenal dan menyembah Allah s.w.t.. Ini jelas pada firman Allah s.w.t. dalam *Surah al-Dhariyat*, ayat 56, yang antara lain bermaksud:

Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku.

Sehubungan itu, penekanan novel ini terhadap matlamat untuk mendapat anak yang soleh jelas bertepatan dengan pemahaman Islam yang meletakkan doa daripada anak yang soleh sebagai ganjaran pahala yang diterima manusia selepas kematian, selain penyampaian ilmu yang bermanfaatkan dan sedekah jariahnya.

Perbincangan ini berusaha untuk menjelaskan beberapa perkara yang penting. Antaranya, bagaimana pemahaman tentang naluri kejantinaan manusia yang terikat dengan janji terhadap Penciptanya itu seperti yang diutarakan dalam *Pujangga Melayu* itu sejajar dengan kerangka *Taklif*. Soal keterikatan tersebut juga mendasari pemahaman tentang “Hakikat Insan” dengan sendirinya menjelaskan bahawa wacana seksualiti yang terkandung dalam *Pujangga Melayu* ini berlegar pada pengertian yang sama. Oleh itu, adalah lebih wajar sekiranya wacana yang terkandung dalam *Pujangga Melayu* ini dinamakan “wacana seksualiti Insan” dalam erti kata pengertian dan fungsi naluri kejantinaan manusia itu diukur berdasarkan ukuran yang tepat di sisi Allah s.w.t. Kedua, perlu diingat bahawa kesemua pemahaman tentang seksualiti di atas disampaikan dalam bentuk wacana yang terkandung di dalamnya idea dan pandangan yang dibahaskan secara ilmiah, lengkap dengan huraian dan contoh bagi memperkuatkan idea atau pandangan itu.

Perbincangan seterusnya adalah tentang konsep “ilmu-cerita” yang diutarakan dalam Persuratan Baru. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, Persuratan Baru hadir dengan idea pokoknya yang memberi keutamaan terhadap “ilmu”, dan meletakkan “cerita” pada kedudukan yang subordinat kepada ilmu. Idea pokok ini membataskan fungsi “cerita” sebagai wadah dengan sendirinya penyampaian ilmu. Sejajar dengan fungsi sedemikian, “cerita” dalam *Pujangga Melayu* dihadirkan dengan fungsinya untuk memperkuatkan wacana yang

disampaikan, termasuk wacana tentang seksualiti Insan seperti yang telah dibincangkan. Dengan kata lain, pemahaman tentang naluri kejantinaan manusia yang disampaikan dalam bentuk “wacana” diperkuuhkan melalui cerita yang memaparkan kisah pergaulan antara Awang, Tengku Aini Faridah dan Azizah ketika menuntut di United Kingdom. Ini jelas apabila pandangan novel ini tentang perlunya naluri kejantinaan manusia dibatasi peraturan dan adab Islam dan diperkuuhkan lagi dengan kisah yang memaparkan pergaulan ketiga-tiga watak tersebut yang digambarkan terjalin secara terkawal dan beradab. Meskipun diletakkan di tengah-tengah masyarakat Barat yang terkenal dengan cara pergaulan lelaki-perempuan yang bebas, namun ketiga-tiga watak Muslim yang berlainan jantina itu menjalinkan hubungan mereka sejajar dengan tuntutan aurat Islam. Dalam erti kata, ia tidak melibatkan perbuatan zina atau perbuatan lain yang dapat menghampirkan mereka dengannya. Ini lebih jelas pada perwatakan Azizah. Walaupun diperlihatkan lebih kebaratan dan terbuka berbanding Awang dan Aini Faridah (sesuai dengan bidang kesusteraan Inggeris yang menjadi jurusannya), namun masih terkawal dan prihatin terhadap batas-batas pergaulan lelaki-perempuan yang digariskan agama Islam. Keprihatinan Azizah terhadap batasan itu ketara dalam peristiwa dia mengejek renungan Awang yang diibaratkannya seperti “kambing jantan inginkan kambing betina”. Ungkapan ini adalah ejekan Azizah terhadap renungan Awang yang dianggapnya mempunyai maksud yang condong kepada nafsu yang bersifat kejantinaan. Lebih penting lagi ialah reaksi Awang terhadap sindiran Azizah itu, yang diterimanya sebagai satu ejekan yang cukup memalukan. Pada satu segi, kemarahan Awang ini menyerlahkan wujudnya perasaan “malu” pada dirinya kerana tidak dapat melindungi naluri kejantinaannya apabila berdekatan dengan wanita yang diminati (hlm. 98-99). Adalah menarik dijelaskan bahawa di sisi Islam, kehadiran perasaan “malu” adalah signifikan kerana ia ditangapi sebagai sebahagian daripada manifestasi keimanan manusia. Pada segi yang lain, cerita tentang Awang yang ketika usia remajanya tertarik kepada dua orang wanita ini menjelaskan lagi wacana novel tentang naluri kejantinaan yang dianggap sebagai sifat semulajadi yang ada pada diri setiap manusia. Tidak kurang pentingnya juga ialah kisah percintaan Awang yang menyerlahkan kepentingan kerangka *Taklif*, apabila naluri kejantinaannya digambarkan akur dengan batas-batas aurat yang ditetapkan agama Islam. Dalam konteks ini, cerita tentang kelemahan Awang yang terleka dengan perasaan tertariknya kepada Azizah (yang diibaratkan dalam novel ini sebagai “kambing jantan inginkan kambing betina”), memperjelaskan lagi wacana tentang pentingnya manusia memanfaatkan fungsi akal yang dapat memelihara hawa nafsu. Pemahaman ini jelas apabila cerita menggambarkan kebijaksanaan Awang memanfaatkan ejekan Azizah sebagai pengajaran yang berguna supaya dia tidak lagi terpesona dengan naluri kejantinaannya. Yang ketara daripada cerita di atas ialah kesejarahannya, yang sekali gus memperkuuhkan wacana seksualiti Insan yang disampaikan dalam novel ini.

Soal kesignifikanan ikatan pernikahan Islam merupakan wacana tentang seksualiti yang diutarakan *Pujangga Melayu*. Melalui wacana ini, ikatan pernikahan dianggap sebagai pengikat perhubungan antara lelaki dan wanita yang beriman, yang sekali gus mencairkan batasan “aurat” yang ditetapkan Allah s.w.t. antara lelaki-perempuan bukan mahram. Menarik untuk dijelaskan bahawa wacana ini diperkuuhkan dalam novel ini melalui ceritanya. Antaranya kisah keinginan Awang untuk memperisterikan Tengku Aini Faridah ketika mereka masih menutut di luar negara, yang dianggapnya sebagai jalan penyelesaian terbaik bagi mengelakkan berlakunya perbuatan yang dikutuk agama Islam. Kisah keinginan Awang ini, seterusnya memungkinkan novel ini untuk menghadirkan cerita tentang reaksi ibu dan datuknya yang menyambut baik hasratnya untuk bernikah pada usia yang masih muda. Lebih penting lagi ialah cerita tentang reaksi ibu dan datuk Awang membolehkan novel memperkuuhkan wacana tentang pernikahan ini apabila cerita ini disisipkan dengan dialog yang mengandungi nasihat dan peringatan tentang soal pemilihan jodoh yang baik di sisi Islam. Ini jelas pada dialog ibu dan Tok Ayah dalam petikan berikut:

Jangan kamu permainkan anak dara orang yang dihantar ibu bapanya belajar jauh-jauh. Kamu itu pandai, bijak, cerdik, ada rupa. Jangan kamu main-mainkan anak dara orang (hlm. 113); & Pilih yang paling kau senangi, orang lain pun akan senang juga nanti. Pilihlah yang terbaik bagimu, bukan yang kamu fikir baik bagi orang lain.... (hlm. 111).

Seterusnya, wacana tentang pentingnya ikatan pernikahan diperkuuhkan dalam novel ini dengan menggambarkan kisah perkahwinan Awang dengan Aini Faridah yang berlangsung dengan ringkas. Kehadiran ibu bapa Awang di majlis perkahwinan mereka di London menggambarkan restu kedua-duanya terhadap hasrat Awang untuk mengahwini Ani Faridah, meskipun mereka ketika itu masih belajar. Selain itu, persetujuan kaum keluarganya supaya majlis tersebut diadakan secara sederhana serta keterbukaan Tok Ayah yang menanggapi soal perbezaan darjah sebagai satu kelebihan (Aini Faridah adalah keturunan raja) memperlihatkan sokongan kaum keluarga, yang mempermudahkan niat Awang untuk mendirikan rumah tangga. Namun, berbeza dengan penerimaan keluarga Awang, novel ini memperlihatkan kurangnya restu daripada keluarga Aini Faridah apabila soal adat istiadat perkahwinan diraja ditimbulkan, selain keengganannya ibu bapanya hadir di majlis tersebut. Pada satu segi, cerita tentang sulitnya keluarga Aini Faridah menjelaskan pentingnya restu ibu bapa dalam soal mendirikan rumahtangga jelas apabila rumah tangga Awang-Aini Faridah selepas itu dilanda masalah akibat ketiadaan restu mereka. Namun, penting dijelaskan bagaimana paparan kisah-kisah di atas telah memperkuuhkan wacana tentang kesignifikanan ikatan pernikahan, terutamanya apabila kesemua watak-watak utama, iaitu Awang, Aini Faridah, Azizah, Aisyah, Salasiah dan Faridah, tidak mempersoalkan kerelevanannya ikatan pernikahan Islam, termasuk poligami, yang akan diperlihatkan lebih lanjut nanti. Pada tahap ini, memadai dijelaskan bahawa kesemua watak-watak penting tersebut memilih pernikahan sebagai asas yang

mengikat perhubungan lelaki-perempuan, dan memperkuuhkan wacana tentang pernikahan yang diutarakan dalam *Pujangga Melayu*, seperti yang dijelaskan dalam petikan ayat di bawah ini:

Mereka tidak ragu-ragu menjadikan perkahwinan sebagai asas perhubungan bermakna antara lelaki dan perempuan. (hlm. 703)

### WACANA CINTA SESAMA INSAN

Selain menghadirkan wacana tentang naluri kejantinaan, *Pujangga Melayu* turut mengutarakan wacana tentang perasaan cinta sesama manusia. Soal perasaan cinta sesama manusia ini dianggap *Pujangga Melayu* sebagai naluri semula jadi setiap manusia dengan perasaan tertarik kepada lawan jenisnya. Seperti yang ditanganinya dalam soal naluri kejantinaan, persoalan cinta sesama manusia turut diukur *Pujangga Melayu* berdasarkan kerangka *Taklif*, yang memperakui keterikatan manusia dengan Pencipta mereka. Dalam konteks ini, novel ini menganggap perasaan cinta sesama manusia memainkan peranan penting, terutamanya dalam kehidupan manusia sebagai Insan, sebagaimana yang dijelaskan:

...cinta tidak penting dalam kehidupan antara lelaki dan perempuan. Cinta hanya penting dalam kehidupan beragama, bukan untuk bersenggama. (hlm. 264)

Selanjutnya, novel ini menghuraikan pandangannya yang membezakan manusia dengan haiwan yang juga diciptakan dengan naluri kejantinaan, tetapi tidak diberi perasaan cinta sesama mereka. Ketiadaan perasaan cinta di kalangan haiwan diisi dengan pengabdian mereka terhadap Allah s.w.t. Ini jelas apabila haiwan, mengikut pandangan novel ini, telah mengisi kehidupan mereka dengan bertasbih dan memuji Pencipta mereka mengikut cara yang tersendiri. Sifat semula jadi ini, menurut *Pujangga Melayu*, berbeza dengan tabii manusia (yang tidak beriman) yang sering terlupa untuk mengingati Allah s.w.t. dan membiarkan diri dikuasai perasaan cinta sesama mereka. Lanjutan itu, novel ini menekankan pentingnya perasaan cinta sesama manusia itu difahami mengikut kerangka *Taklif* yang dapat mengikat perasaan semula jadi manusia itu dengan janji untuk menyembah Allah s.w.t. Ini dijelaskan dalam petikan di bawah ini:

...cinta hanya lahir dan ada pada manusia, tidak ada pada binatang dan lain-lain makhluk. Binatang mempunyai kelebihan yang lain, iaitu tasbih, memuji Allah setiap masa. Manusia tidak begitu. Manusia bercinta setiap masa [dengan sesama manusia], tetapi tidak bertasbih kepada Pencipta Yang Maha Kuasa dan Maha Pemurah, Allah Taala, kecuali orang yang benar-benar beriman. ...maka itulah sebabnya manusia menjadi lebih hina daripada binatang jika dia tidak ingat langsung kepada Allah, atau menafikannya sama sekali. (hlm. 704)

Dalam petikan di atas terserlah pandangan novel ini yang membezakan manusia dengan haiwan, dari segi penggendalian perasaan cinta sesama mereka.

Novel ini tidak meminggirkan soal kelebihan akal yang tidak dimiliki manusia. Seperti yang telah dibincangkan tadi, manusia dikurniakan Allah s.w.t. dengan keupayaan akal yang dapat menilai tentang baik-buruk sesuatu perkara. Pemanfaatan akal manusia mengikut ukuran *Taklif* turut menjadi soal baik-buruk sesuatu perkara itu begitu jelas dan pasti, berdasarkan kedudukannya di sisi Allah s.w.t. Keupayaan akal yang sejajar dengan ikatan *Taklif* dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh manusia untuk memungkinkan mereka mengendalikan hawa nafsu dan tipu-daya syaitan yang sentiasa mengajak manusia untuk berbuat jahat. Dalam konteks ini, novel ini menjelaskan pentingnya akal manusia dalam mengendalikan perasaan cinta supaya segala perbuatan daripada perasaan tersebut menjadi manifestasi keimanan dan pengabdian manusia kepada Penciptanya. Ini telah juga dijelaskan dalam novel ini. Lihat petikan berikut:

...manusia perlu mentakrifkan segala perlakunya berasaskan kebijaksanaan yang ada pada akal itu, iaitu sifat tertinggi dalam diri manusia. Sifat ini tunduk di bawah kuasa taklif, yang [men]jadi pengukur kepada tindakan manusia...Jika itulah yang terjadi, maka cinta diberi makna yang mendalam lagi indah, dan cinta antara manusia tidak lagi berasaskan hawa nafsu semata-mata, tetapi tunduk kepada hukum agama. (hlm. 704)

Berasaskan pemahaman di atas, novel ini menyanggah konsep hubungan lelaki-perempuan yang diperagakan sebagai *platonic relationship*, iaitu hubungan antara lelaki dengan perempuan yang ditangani sama seperti hubungan sesama jantina, iaitu hubungan lelaki-perempuan yang tidak melibatkan perasaan cinta. Pada tahap yang paling dasar, sanggahan ini banyak bersandarkan pemahaman novel tentang hakikat naluri kejantinaan manusia yang memang dijadikan untuk saling tertarik antara satu sama lain. Justeru, novel ini menjelaskan tidak mungkin akan wujud hubungan yang bersifat “platonik” dalam erti kata yang sebenar, kerana hambatan yang berupa “keinginan tabii” tersebut. Terkandung dalam pengertian hambatan yang bersifat tabii ialah “sifat “pelupa” yang secara semulajadinya dimiliki manusia. Gabungan antara naluri dan sifat tersebut dianggap akan mendedahkan manusia dengan kemungkinan berlakunya fitnah, sama ada akibat desakan nafsu seks mereka sendiri atau hasutan syaitan. Ini juga telah dijelaskan dalam petikan di bawah ini:

Mereka ingin memberi makna baru kepada istilah cinta, tetapi mereka keliru dalam memberi makna itu. Mereka ingin menjadikan cinta biasa suatu lambang murni hubungan antara manusia, yang menurut mereka berasaskan ketulusan dan kejujuran. Tetapi ini tidak mungkin terjadi, kerana hubungan antara lelaki perempuan tidak akan lepas daripada keinginan-keinginan tabii kedua-dua belah pihak. Di situlah mereka keliru. (hlm. 443)

Petikan di atas jelas memperakukan pentingnya hukum dan peraturan aurat dalam pergaulan lelaki-perempuan dikawal ketat berasaskan ikatan *Taklif*. Pemahaman ini semakin jelas apabila novel ini turut menghuraikan implikasi yang mungkin timbul sekiranya perasaan cinta sesama manusia ini tidak ditangani mengikut kerangka *Taklif*. Menurut novel ini lagi, pengabaian kerangka *Taklif* akan mendorong penyalahgunaan perasaan cinta yang berlaku apabila kata-

kata “cinta” dilafazkan manusia dengan tujuan untuk mendapatkan seks, seperti yang dijelaskan:

Orang selalu keliru tentang dua perkara ini. Untuk bersenggama, orang tidak perlu cinta, cukup hanya keinginan tabii yang meluap-luap kedua-dua belah pihak. Tetapi keinginan itu hanya terlaksana dalam makna yang lebih murni jika orang cintakan agamanya. (hlm. 262)

Kedua-dua petikan di atas menerangkan pengertian cinta lelaki-perempuan yang diutarakan *Pujangga Melayu* itu dinilai berasaskan kecintaan manusia terhadap Pencipta. Dengan kata lain, novel ini memperakukan pengertian cinta sesama manusia yang menjadikan keimanan dan fungsi akal sebagai terasnya. Pemahaman itu rata-rata memperlihatkan kesejarahan pandangan *Pujangga Melayu* dengan pemahaman Islam. Soal kesignifikanan perasaan cinta sesama di sisi Islam terkandung dalam ungkapan *mawaddah wa rahmah* (cenderung, merasa tenteram dan berkasih sayang) yang hadir dalam ayat al-Quran Surah al-Rum, ayat 21. Dalam ungkapan tersebut terkandung hakikat manusia sebagai Insan, yang dikurniai Allah s.w.t. dengan perasaan saling tertarik dan sayang-menayangi yang menjadi pengikat kepada hubungan suami-isteri. Merujuk ayat al-Quran yang sama, Abdullah Yusuf Ali (1938b: 1056) menjelaskan keinginan jantina manusia terhadap pasangan mereka yang berlainan jenis adalah naluri semulajadi yang dapat memberikan keharmonian hidup, dengan syarat ia disalurkan melalui ikatan pernikahan yang direduhi Allah s.w.t. Justeru, terkandung dalam pengertian *maddah wa rahmah* ialah kesignifikanan ikatan pernikahan di sisi Islam yang menjadi saluran tunggal bagi manusia menyalurkan naluri kejantinaan mereka, seperti yang diperkuuhkan dalam wacana naluri kejantinaan menurut *Pujangga Melayu*. Dalam ungkapan *mawaddah wa rahmah* terkandung juga pengertian tentang fungsi lelaki dan perempuan yang saling melengkapi pada hampir segenap aspek kehidupan mereka, termasuk biologi, fizikal, emosi dan psikologi. Sehubungan itu, Samar Fatima (1982: 110) menjelaskan hubungan jantina yang dilakukan pasangan suami-isteri bukan sekadar untuk memenuhi tuntutan biologi, tetapi juga mengisi keperluan lain yang bersifat emosi dan psikologi. Katanya:

...the relations between the two sexes are not just for fun and pleasure or carnal lust of men, but women are the source of comfort and peace of mind for their male partner.

Pandangan itu menjelaskan perasaan cinta sesama manusia atau diungkapkan dalam al-Quran sebagai *mawaddah wa rahmah*, menjadi titik penting untuk membezakan hubungan jenis manusia dengan hubungan jenis makhluk-makhluk lain, seperti haiwan atau tumbuhan. Kesignifikanan perasaan kasih sayang yang menjadi dasar kepada kebahagiaan hidup suami-isteri turut dijelaskan Qamaruddin Khan (1990: 31) dalam petikan di bawah ini:

...by uniting together in marriage and showing reciprocal love, affection, sympathy and devotion and demonstrating the spirit of mutual sacrifice, man and woman should establish

the foundation of a happy and peaceful life, and pass their whole life in this environment. Indeed this is the only means that can provide true happiness to man in this world. And only after achieving this comfort and repose he can do real justice to his obligation to God.

Seterusnya, perlu diingat semula perbincangan tentang “Hakikat Insan” yang menjelaskan keupayaan akal manusia yang tinggi. Kelebihan akal ini mendorong perbezaan antara aspek kejantinaan manusia dengan haiwan yang hanya dikurniai naluri kejantinaan. Berbekalkan fungsi akal, manusia mampu mengawal dan memelihara naluri seks supaya tidak mengkhianati janji yang termeterai. Pemahaman ini terkandung dalam pandangan Bouhdiba yang mengaitkan tuntutan manusia memelihara kemurnian nafsu seks dengan keupayaan akal mereka, maka dapat menimbulang baik-buruk sesuatu perkara. Katanya:

...man has received among other gifts from God that of distinguishing between good and evil, a faculty that is at the disposal neither of the angels nor of the djinns, who are quite incapable of choice (1985: 59)

Dalam konteks ini, Bouhdiba menjelaskan pemahaman tentang seksualiti manusia di sisi Islam dapat difahami melalui kisah penciptaan Nabi Adam a.s. dan Hawa. Berasaskan kisah yang ada dalam al-Quran dapat diketahui bahawa penciptaan Nabi Adam a.s. yang disusuli perintah Allah s.w.t. supaya setiap makhluk ciptaan-Nya sebelum itu “tunduk-hormat” kepada Nabi Adam a.s. sebagai tanda pengiktirafan terhadap kehebatan-Nya. Menurut al-Quran, keengganahan iblis menurut perintah tersebut menjadi punca kemurkaan Allah s.w.t. dan terusirnya iblis dari syurga. Peristiwa pengusiran tersebut dianggap Bouhdiba begitu signifikan kerana ia menandakan bermulanya ujian kepada manusia, apabila iblis kemudiannya berikrar untuk menyesatkan manusia dan menuruti jejaknya. Ikrar ini juga menjadi detik bermulanya permusuhan antara iblis dengan manusia, yang diikuti perintah Allah s.w.t. terhadap Nabi Adam a.s. supaya mematuhi segala perintah-Nya di syurga (Al-Quran 15(34), 7(11-13) & 15(39)). Menurut Bouhdiba, kisah ini menarik kerana ia menjelaskan bagaimana iblis memperdayakan manusia dan menyebabkan mereka terusir daripada syurga dengan memanipulasi naluri kejantinaan mereka (Nabi Adam a.s.), yang secara tabiinya memang sedia tertarik kepada lawan jenisnya (Hawa), seperti yang dijelaskan dalam petikan di bawah ini:

...he [merujuk kepada Iblis] saw that Adam was hollow and bellied (ajwaf), he realized that he saw that he **has been made in such a way that he could not control his sexual appetite**. There is a continuity from the idea of sexuality, a remembrance or token of God's trust, to that of Adam, bellied and hollowed and handed over to the power of Satan from the outset (Bouhdiba 1985:59)

Kenyataan Bouhdiba yang bertanda hitam dalam petikan di atas masih dapat dipertikaikan kerana ia seolah-olah menjelaskan fitrah kejadian manusia yang lemah dan tidak dapat mengawal nafsu seks mereka. Ini bertentangan dengan

pemahaman “Hakikat Insan” yang dibincangkan sebelum ini yang menekankan ketinggian fungsi akal manusia untuk menimbang baik-buruk sesuatu perkara. Dalam konteks ini, yang lebih tepat merujuk kepada kenyataan Bouhdiba, ialah: “...he has been made in such a way that he could not control his sexual appetite...” dan sifat “pelupa” (*nisyam*) yang memang sedia ada pada manusia, yang kemudiannya mendedahkan naluri kejantinaan mereka kepada perbuatan yang keji dan mungkar di sisi Allah s.w.t. Walau bagaimanapun, petikan di atas masih relevan untuk diturunkan untuk menjelaskan pandangan Bouhdiba yang menganggap bahawa pengabaian fungsi akal dalam mengawal hawa nafsu dan hasutan iblis dapat memungkinkan manusia untuk mengkhianati “perjanjian azali” mereka dengan Allah s.w.t. Tidak kurang pentingnya ialah bagaimana pemahaman Islam tentang pentingnya fungsi akal dalam mengawal naluri kejantinaan, termasuk perasaan cinta sesama manusia yang terkandung dalam wacana seksualiti yang ditawarkan *Pujangga Melayu*.

Perbincangan di atas menyerlahkan wacana perasaan cinta sesama Insan dalam *Pujangga Melayu*. Pengutaraan wacana ini yang dikupas mengikut kerangka *Taklif* memperjelaskan pentingnya manusia memanfaatkan ketinggian akal yang dapat mengawal godaan hawa nafsu, selain menangkis hasutan syaitan. Analisis seterusnya mendapati bahawa wacana tersebut turut diperkuuhkan melalui bentuk cerita yang menggambarkan keupayaan watak-watak utamanya dalam memanfaatkan fungsi akal. Ini jelas apabila cerita menggambarkan sikap dan keperibadian Awang yang tidak mengambil kesempatan atau menjadikan kaum wanita sebagai alat pemuas nafsunya. Cerita itu menggambarkan bagaimana faktor persekitaran yang pada zahirnya dapat memungkinkan perkara tersebut, seperti kehidupan Awang, Aini Faridah dan Azizah di negara Barat yang bebas serta watak-watak wanita tersebut yang sedia jatuh hati kepadanya, tidak dieksplotasi Awang untuk tujuan yang bercanggah dengan hukum Islam. Tindakan Awang memilih untuk berkahwin pada usia yang muda dan kemudiannya berpoligami memperkuuhkan lagi akhlaknya di sisi Islam, kerana ia menjelaskan keikhlasannya untuk memikul tanggungjawab dengan mengahwini secara sah wanita-wanita yang dicintainya. Penonjolan keperibadian Awang yang meletakkan fungsi akalnya pada kedudukan yang utama turut diperkuuhkan apabila cerita itu memaparkan faktor seks tidak menjadi sebab kepada poligami Awang seperti yang akan diperlihatkan dalam analisis seterusnya. Tidaklah keterlaluan untuk dikatakan bahawa keperibadian serta akhlak yang dipaparkan melalui watak Awang ini dapat menterjemahkan pengertian ungkapan al-Quran, *lifurujihim hafizun*, yang menjelaskan pentingnya manusia memelihara nafsu seks daripada perbuatan yang keji di sisi Allah s.w.t. Penonjolan watak Awang dengan keperibadian yang tinggi ini diperkuuhkan watak-watak lain, terutamanya Aisyah dan Aisyah. Ini jelas apabila novel itu menggambarkan ketinggian peribadi watak Aisyah, yang meskipun seorang balu berbangsa Palestin dan hidup sendirian di Amerika Syarikat, tetapi tidak dipengaruhi cara kehidupan yang bebas. Dia sebaliknya mengambil keputusan yang sejajar dengan tuntutan agama

Islam: mengahwini Awang ketika mereka sama-sama menuntut di Universiti Harvard. Begitu juga watak Azizah yang diceritakan sering berulang-alik ke luar negara kerana memenuhi undangan sebagai “Profesor Pelawat”, selain “membujang” untuk satu jangka masa yang lama, tetapi pada akhirnya memilih untuk berkahwin secara sah dengan seorang sarjana Islam bangsa Jerman.

Penting dijelaskan ciri-ciri perwatakan di atas adalah sejajar dengan pengertian *lifurujihim hafizun*, di satu pihak memperkuuhkan wacana tentang keterikatan naluri kejantinaan manusia dengan kerangka *Taklif* dan di pihak yang lain, menyerahkan pemanfaatan fungsi akal manusia yang dapat menggandalikan persoalan yang membabitkan perasaan cinta secara rasional. Ini kelebihan pada kebijaksanaan Awang dalam mengawal perasaan cinta dan rindu-dendamnya kepada Aini Faridah, yang tidak sedikit pun menjelaskan rasa cintanya terhadap ilmu dan komitmennya terhadap pelajaran (hlm. 92-93 & 143-144). Ciri-ciri kebijaksanaan itu juga jelas ketika Awang menghadapi kekecewaan akibat gagal berumah tangga dengan Aini Faridah. Ini diubatinya dengan kegiatan-kegiatan memburu ilmu, seperti menyiapkan tesis kedoktoran dan mengarang novel. Pembentukan watak Awang dengan perwatakan sedemikian menyerahkan kekuatan keperibadian manusia yang memanfaatkan fungsi akal supaya tidak dihanyutkan emosi dan perasaan ketika diuji dengan masalah hidup. Perwatakan yang sedemikian juga terserlah ketika novel ini menceritakan kisah percintaan tiga segi antara Awang, Aini Faridah dan Azizah ketika mereka menuntut di luar negara. Adalah menarik untuk dijelaskan bahawa novel ini tidak memanipulasi kisah cinta tiga segi ini untuk menimbulkan konflik atau ketegangan antara watak; tetapi sebaliknya mengujudkan suasana perhubungan yang harmonis, antara Aini Faridah dengan Azizah, meskipun kedua-dua wanita itu menyedari mereka menyintai lelaki yang sama (iaitu, Awang). Ini dengan sendirinya menjelaskan komponen cerita, seperti konflik dan pergelutan watak, yang lazimnya menjadi resipi penting dalam pembinaan struktur naratif novel, telah diabaikan *Pujangga Melayu*. Yang ketara daripada kisah percintaan tiga segi itu ialah ketinggian akhlak dan keperibadian kedua-dua watak wanita tersebut menangani konflik. Ini jelas apabila kedua-dua mereka diperlihatkan saling mengalah kerana lebih menghargai persahabatan yang terjalin, berbanding cinta seorang lelaki. Lebih ketara lagi apabila novel ini menceritakan penyeksaan batin Aini Faridah yang dibelenggui rasa bersalahnya terhadap Azizah kerana dia mengahwini Awang, dan melarikan diri daripada Awang untuk memberikan laluan kepada Azizah. Novel ini seterusnya menonjolkan keperibadian watak Awang yang tinggi dalam menangani persoalan cinta tiga segi tersebut. Awang digambarkan tidak langsung merasa megah kerana dicintai dua orang wanita serentak; sebaliknya begitu berhati-hati dalam tindakannya supaya tidak menyinggung hati mana-mana pihak. Ini terbukti apabila Azizah masih meneruskan dan memelihara hubungan silaturahimnya dengan keluarga Awang meskipun selepas Awang berkahwin dengan Aini Faridah (hlm. 703). Tidak keterlaluan jika

dikatakan bahawa perwatakan itu menyerlahkan ketinggian akhlak dan keperibadian yang dapat dijadikan ikutan yang baik kepada manusia, sejajar dengan apa yang disebutkan al-Quran sebagai *Uswah Hasanah*. Pengertian *Uswah Hasanah* juga menjadi konsep kesusteraan yang mendasari Persuratan Baru yang menjelaskan akurnya *Pujangga Melayu* terhadap tuntutan gagasan tersebut. Penting dijelaskan bahawa daripada paparan kisah cinta tiga segi ini terdapat ketinggian fungsi akal, yang dapat mengawal manusia daripada dihanyutkan emosi dan perasaan cinta. Lihat rumusannya dalam novel itu:

...cinta [dalam *Pujangga Melayu*] diberi makna yang mendalam lagi indah, dan cinta antara manusia tidak lagi berasaskan hawa nafsu semata-mata, tetapi tunduk kepada hukum agama (hlm. 704)

Ini dengan sendirinya menjelaskan wacana keakuran perasaan cinta sesama Insan yang diterajui akal manusia, seperti yang diutarakan *Pujangga Melayu* dan diperkuuhkan melalui paparan cerita di atas.

### WACANA POLIGAMI ISLAM

Wacana seksualiti insan dalam *Pujangga Melayu* turut menawarkan pemahaman poligami Islam, iaitu sistem perkahwinan yang membolehkan kaum lelaki mengahwini lebih daripada seorang wanita dalam masa yang sama. Wacana tentang poligami Islam dalam novel ini mendapat perhatian istimewa daripada pengarangnya, Mohd. Affandi, yang menganggap persoalan poligami sebagai satu daripada sumbangannya yang penting sebagaimana yang dinyatakannya (2002: 6):

Saya mengemukakan persoalan [poligami] yang menjadi masalah kepada pembaca sebagai sumbangan penting saya kepada pelaksanaan hukum Islam yang tidak popular ini di Malaysia...

Pada asasnya, wacana tentang poligami Islam dalam novel ini menggariskan beberapa aspek tentang pengertian dan fungsi poligami yang diasaskan tafsiran novel ini terhadap cara dan pelaksanaannya oleh Rasulullah s.a.w. serta para sahabat baginda seperti yang dijelaskan dalam petikan di bawah ini:

Ini adalah tafsiran saya terhadap sejarah Rasulullah s.a.w. dan para sahabat baginda, dan terhadap maksud serta rahsia poligami dalam Islam....(hlm. 265)

Ketara daripada penjelasan itu ialah keprihatinan pengarang terhadap pengertian "adab" yang dimanfaatkan bagi mengupas dan memahami pengertian serta fungsi poligami dalam Islam. Di sini "adab" merujuk kepada perakuan terhadap pentingnya suatu perkara mengikut kedudukannya di sisi Allah s.w.t. Keprihatinan *Pujangga Melayu* terhadap soal "adab" jelas apabila pengarang memilih untuk menawarkan pengamatan tentang poligami Islam yang dinilai daripada perspektif yang positif, sesuai dengan kedudukannya sebagai institusi

perkahwinan yang dihalalkan Allah s.w.t. Dalam konteks ini, *Pujangga Melayu* dilihat mengupas pandangannya tentang poligami Islam menurut kerangka *Taklif*. Ini jelas daripada pandangan dalam petikan yang berikut:

Orang yang benar-benar cintakan agamanya, pada pandangan saya, tidak menjadikan hukum agama sebagai isu perpecahan atau perceraian dalam rumahtangga (hlm. 265)

Sebelum perbincangan dilanjutkan, perlu difahami bahawa poligami Islam dalam novel ini tidak diajukan sebagai satu sistem perkahwinan utama dalam kehidupan manusia, dalam erti kata ia tidak menjadi tuntutan seperti yang diperuntukkan dalam perkahwinan monogami. Sebaliknya, poligami Islam dalam *Pujangga Melayu* adalah pilihan kepada manusia dalam menghadapi situasi yang tertentu dan pada masa yang sama dapat memelihara kedudukan mereka sebagai “Insan” yang terikat dengan “perjanjian azali”. Pemahaman ini jelas apabila novel ini menonjolkan fungsi poligami dalam Islam sebagai dinamika sosial yang dimanfaatkan untuk menyelesaikan masalah. Pada tahap yang paling dasar, pandangan ini berteraskan pemahaman tentang “Hakikat Insan” yang menitikberatkan pentingnya manusia memelihara fitrah yang suci dan patuh kepada Penciptanya. Sehubungan itu, novel ini menganggap cabaran hidup kini banyak mendedahkan manusia kepada pencemaran fitrah tersebut, termasuk cara pergaulan lelaki-perempuan dengan bebas yang boleh menjerumuskan mereka ke dalam hubungan hawa nafsu yang dilarang Islam. Adalah ketara bahawa wacana tentang poligami Islam dalam *Pujangga Melayu* ini berteraskan kerangka *Taklif* yang memperakarkan keterikatan manusia dengan ketetapan Penciptanya. Justeru dapat dikatakan pemahaman tentang hakikat keterikatan manusia dengan *Taklif* di satu pihak, dan cabaran kehidupan yang boleh mendorong kepada pengkhianatan terhadap *Taklif* di pihak yang lain telah menjadikan poligami dalam Islam menurut *Pujangga Melayu* sebagai alternatif yang dapat dimanfaatkan bagi menangani cabaran kehidupan zaman kini. Penyelesaian itu bukan sahaja tidak bertentangan dengan *Taklif*, tetapi juga dapat memelihara kesucian fitrah manusia. Ini jelas dalam wacana yang disampaikan dalam petikan di bawah ini:

Dalam kehidupan moden yang begitu terdedah dengan segala macam godaan dan pancaroba, seseorang lelaki dan perempuan Islam harus berhati-hati dalam pergaulan mereka...Mereka diberi pilihan dalam agama kita, untuk meneruskan persahabatan itu atau memutuskannya. Seorang perempuan tidak boleh meneruskan persahabatan dengan seorang lelaki setelah dia berkahwin, kerana agama dan kebudayaan kita tidak membenarkan...ada orang yang ingin meneruskan persahabatan itu hingga ke akhir hayat, kerana mereka suka-menyukai satu sama lain. Demikianlah ayah [merujuk kepada Awang] berkahwin [secara poligami] dengan wanita-wanita yang ada di sekeliling ayah (hlm. 703)

Jelas daripada petikan tadi bagaimana poligami dalam Islam dimanfaatkan sebagai pilihan yang dapat menyelesaikan situasi kehidupan manusia. Dalam konteks cerita yang dipaparkan, contoh cabaran yang dikemukakan dalam novel ini ialah keperluan kerjaya dan masalah hidup Awang yang menyebabkannya

memerlukan beberapa orang wanita, yang kesemuanya dikahwini secara poligami. Pada segi yang lain, poligami yang dilaksanakannya turut mengelakkan Awang daripada terdedah kepada perbuatan zina dan maksiat, dan sekaligus memelihara kesucian fitrahnya sebagai seorang “Insan”. Dalam konteks ini, perlu dijelaskan poligami dalam Islam hadir dalam wacana novel ini sebagai satu dinamika sosial yang dapat memberi manfaatnya yang tersendiri kepada masyarakat.

Selain itu, *Pujangga Melayu* turut menampilkan poligami dalam Islam sebagai suatu bentuk perkongsian intelektual antara lelaki dan wanita. Fungsi ini jelas apabila novel ini menjelaskan tentang terdapatnya lelaki dan wanita yang dari segi keupayaan inteleknya saling melengkapi, maka memerlukan lawan jantinanya sebagai regu yang dapat menyemarakkan kegiatan intelektual masing-masing. Sehubungan itu, novel ini menjelaskan bahawa keterikatan manusia terhadap batas dan adab pergaulan yang ditetapkan Islam tidak memungkinkan mereka untuk bergaul secara intim, meskipun bagi tujuan tersebut. Lebih penting lagi, ia dapat direalisasikan dalam situasi yang aman dan sejahtera, dan tidak mendedahkan mereka kepada perbuatan maksiat. Terserah daripada wacana ini ialah pengertian perkahwinan di sisi Islam yang tidak terbatas kepada tujuan untuk memenuhi keperluan biologi dan fizikal manusia, tetapi turut merangkumi keperluan yang bersifat “Insaniah” yang mengutamakan kepentingan *Taklif* dan intelek manusia. Ini juga dijelaskan dalam novel ini. Lihat petikan berikut:

Kami [merujuk Awang dan isteri-isterinya] memerlukan satu sama lain, tidak hanya terbatas kepada keperluan tabii semata-mata, tetapi lebih utama ialah perkongsian intelektual dan persahabatan (hlm. 703). Pemahaman ini turut jelas apabila novel mengungkapkan tiga perkara asas, iaitu cinta, persahabatan, dan perkongsian yang dianggap mendasari falsafah poligami dalam Islam (hlm. 703).

Perkara yang terakhir itu merujuk kepada perkongsian yang bersifat intelektual antara lelaki dan perempuan yang dianggap sebagai satu daripada hikmah di sebalik peruntukan poligami dalam Islam. Ini juga dijelaskan dalam petikan di bawah ini:

...itulah salah satu hikmah [poligami] yang diberikan oleh Allah Taala yang hanya dapat dirasakan di zaman moden ini, iaitu mempunyai perhubungan yang sah dan saling mengerti antara lelaki-perempuan terpelajar, dengan sendirinya terdidik, untuk sama-sama membina rumah tangga bahagia (hlm. 268)

Wacana poligami seumpama ini menafikan fungsi poligami dalam Islam sebagai ikatan yang didirikan untuk tujuan memenuhi tuntutan kejantinaan manusia, dan menjadikan poligami yang terlaksana mengikut tuntutan tersebut (hawa nafsu) sebagai satu penyelewengan terhadap syariat Islam. Selain kedua-dua fungsi itu, *Pujangga Melayu* turut mengupas beberapa pemahaman lain yang berkaitan dengan hikmah yang tersirat di sebalik poligami dalam Islam. Ini sejarah dengan tujuan novel ini untuk memberi interpretasi mengenai poligami berdasarkan pengertian “adab” di sisi Islam. Antara yang ditangani ialah persoalan cemburu di kalangan isteri yang dikahwini secara poligami. Sehubungan itu,

novel ini menjadikan kisah poligami Nabi Muhammad s.a.w., terutamanya perihal cemburunya Aisyah binti Abu Bakar (r.h.) terhadap isteri-isteri baginda yang lain sebagai panduan. Yang ketara ialah pandangan novel ini yang menganggap paparan kisah tersebut mengandungi pengajaran tentang tingginya akhlak dan keperibadian isteri-isteri Rasulullah s.a.w., terutamanya apabila perasaan cemburu mereka diakhiri dan ditangani dengan taubat setelah menyedari kelemahan mereka, dan bukannya mengutuk poligami yang pada hakikatnya dihilalkan Allah s.w.t. Pemahaman ini juga telah dijelaskan dalam novel ini seperti dalam petikan di bawah:

Cemburunya Aisyah binti Abu Bakar meninggikan martabatnya sebagai seorang wanita, kerana dia segera bertaubat dan sedar akan kesalahannya. Tetapi cemburu seorang perempuan biasa adalah sejenis kegilaan yang didorong oleh nafsu amarah dan kebencian yang berlebihan, yang timbul daripada kerendahan peribadiannya dan kekasaran jiwanya. Tentu sahaja cemburu begini tidak dapat dijadikan ukuran dalam kehidupan berumah tangga (hlm. 266).

Cemburu di kalangan isteri-isteri yang dipoligamikan ini turut mengundang penelitian novel ini tentang pentingnya poligami dalam Islam ditegakkan atas rasa tanggungjawab yang dilaksanakan secara adil dan saksama. Poligami yang terlaksana tanpa rasa tanggungjawab dianggap sebagai penyalahgunaan terhadap hukum Allah s.w.t., yang kemudiannya menjadi punca berlakunya masalah sosial, seperti kemiskinan dan anak-anak terbiar. Dengan kata lain, meskipun novel ini memperakarkan fungsi poligami sebagai pilihan yang praktikal dalam menyelesaikan masalah, namun ia tidak pula menafikan kemungkinan ia boleh disalahgunakan. Cakupan penelitian novel ini bukan sahaja mengupas fungsi dan kelebihan poligami, tetapi juga menyentuh penyalahgunaannya di tangan manusia, dengan sendirinya menawarkan perspektif yang pelbagai tentang poligami dalam Islam. Dari segi yang lain, ia memperjelaskan betapa rumitnya pelaksanaan poligami dalam Islam yang menuntut rasa tanggungjawab dengan sepenuhnya, terutamanya daripada kaum lelaki sebagai ketua keluarga. Justeru, ia dianggap dalam novel ini tidak menjadi kewajiban atau amalan yang dituntut ugama Islam, berbanding monogami. Penekanan novel ini tentang risiko poligami yang dilaksanakan tanpa rasa tanggungjawab jelas dalam petikan di bawah ini:

...merebaknya poligami dalam masyarakat Melayu menjadi punca kemiskinan dan terabainya anak-anak. Maksud saya, inilah akibat poligami yang disalahgunakan. Oleh itu kita harus memberitahu masyarakat bahawa poligami sebagai suatu kemudahan boleh dijadikan gerakan membangunkan masyarakat jika dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Dan ini bererti kaum lelaki mesti disedarkan akan tanggungjawab mereka. Saya tidak menentang poligami, tidak juga menggalakkannya, tetapi saya menerima kenyataan bahawa ada sesuatu yang dinamik dalam poligami jika dilaksanakan dengan adil (hlm. 375)

Wacana tentang poligami yang terkandung dalam *Pujangga Melayu* ini memperlihatkan kesejarahannya dengan pemahaman ugama Islam. Ini jelas apabila

kedudukan poligami yang bukan keutamaan berbanding monogami, seperti yang diajukan dalam novel ini sejajar dengan pengertian ayat al-Quran *Surah An-Nisaa'*, ayat 3, yang bermaksud:

Dan jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil terhadap (hak-hak) perempuan yatim (bilamana kamu mengahwini-nya), maka kahwinilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi: dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil, maka (kahwinilah) seorang sahaja...[Penekanan ditambah.]

Adalah jelas dalam ayat al-Quran di atas bagaimana perkahwinan monogami diberi keutamaan dalam ugama Islam, manakala poligami pula diletakkan pada kedudukan yang bukan utama. Kedudukan ini jelas apabila kebenaran untuk berpoligami diletakkan beriringan dengan syarat yang penting, iaitu “takut tidak dapat berlaku adil” (*fain khiftum ala takdilu*). Ini berbeza dengan seruan terhadap perkahwinan monogami yang digalakkan tanpa syarat yang secara khusus membangkitkan soal keadilan sebagaimana yang terkandung pada ungkapan *fawahidatan* (kahwinilah seorang sahaja). Pemahaman ini juga sejajar dengan huraiyan Muhammad Asad (1980: 101) yang menjelaskan bahawa syarat “takut tidak dapat berlaku adil” menjelaskan pengertian ayat al-Quran tersebut yang mengutamakan perkahwinan monogami, berbanding dengan poligami. Lihat huraiyan beliau di bawah ini:

...the permission to marry more than one wife (up to the maximum of four), it is so restricted by the condition...as to make such plural marriages possible only in quite exceptional cases and under exceptional circumstances.

Pandangan itu terkandung dalam perbincangan Abdul Jalil Mohd. Hassan (1983: 258) yang jelas menekankan tanggungjawab suami untuk berlaku adil kepada isteri-isteri yang dikahwininya itu daripada segenap segi. Yang menarik ialah pandangan beliau yang menganggap tanggungjawab tersebut dengan sendirinya menjadikan monogami jenis perkahwinan lebih ideal, berbanding dengan poligami. Menurut beliau:

There is no doubt that **monogamous marriage is normally the ideal marriage** as more guarantees can be given that man will not treat his wife unjustly and evade his responsibilities toward her. Should a person marry more than one wife, however, it is his religious duty to treat them impartially in things, which effect their welfare and maintenance. Most important is that he should divide his time equally between them. [Penekanan ditambah.]

Poligami di sisi Islam bukan kewajiban atau tuntutan; sebaliknya adalah alternatif bagi menghadapi situasi dan mengatasi masalah hidup. Pemahaman ini dapat dijelaskan lagi dengan pandangan yang menganggap poligami dalam Islam menawarkan penyelesaian kepada beberapa masalah sosial, khususnya yang berkaitan seks seperti pelacuran, jangkitan penyakit kelamin serta kelahiran anak luar nikah yang kebijakan dan masa depan mereka tidak dilindungi secara perundangan. Dalam konteks ini, Jamila Brijbhushan (1980:63) berpendapat

poligami dalam Islam menawarkan jaminan hak serta penghormatan terhadap kaum wanita, yang kebaikan mereka dijamin dan dipelihara dari segi perundangan seperti katanya:

Polygamy...was not only an institution that provided multiple wives to men under special circumstances. Its most important role was to safeguard the rights of women...by the device of polygamy, Islam offers them both protection and honour. [Penekanan ditambah.]

Perbincangan itu jelas memperlihatkan kesejarahan wacana tentang poligami dalam Islam yang dikemukakan *Pujangga Melayu*, dengan pemahaman Islam. Seperti yang dianalisa sebelum ini, bentuk “cerita” dalam *Pujangga Melayu* adalah pengukuh kepada wacana tentang seksualiti insan. Kecenderungan ini juga jelas ketika novel ini mengutarakan wacana poligami dalam Islam, terutamanya apabila novel ini meletakkan poligami dalam Islam pada kedudukan yang subordinat berbanding dengan monogami. Merujuk kepada “cerita”, kedudukan poligami sedemikian dikekalkan dalam novel ini melalui paparan cerita lain. Meskipun persoalan poligami diberi peruntukan yang luas, namun ia tidak diperagakan dalam novel ini sebagai institusi perkahwinan yang dominan di sisi Islam. Di bahagian awal cerita, persoalan poligami tidak diberi tumpuan. Ini jelas apabila nasihat Tok Ayah kepada Awang yang sedang menghadapi dilema percintaan tiga segi, tidak sedikit pun menyarankan amalan tersebut (hlm. 54). Pada permulaan cerita, kecenderungan kepada monogami adalah lebih ketara apabila cerita menggambarkan tindakan Awang mengahwini Aini Faridah sahaja, sedangkan pada ketika itu dia dicintai dua orang wanita secara serentak (hlm. 141). Ini diperkuuhkan lagi apabila tempoh perkahwinan monogami antara Awang dengan Aini Faridah berlangsung agak lama: setelah memperolehi dua orang anak (Ariff Putera dan Fatimah). Selain itu, novel ini memperlihatkan Awang masih belum terfikir untuk berpoligami selepas berkahwin dengan Aisyah (perkahwinan keduanya setelah bercerai dengan Aini Faridah). Cerita tentang poligami hanya timbul apabila novel ini membangkitkan masa depan Ariff Putera dan Fatimah, selepas Aini Faridah bercerai dengan suami keduanya, Tengku Shamsudin Iskandar. Perkara itu disampaikan melalui cerita yang memperkuuhkan wacana tentang kelebihan poligami dalam Islam, yang diutarakan sebagai jaminan masa depan dan kebaikan anak-anak, seperti yang dijelaskan tadi. Pemahaman terhadap fungsi ini diperkuatkan lagi apabila cerita menggambarkan beberapa situasi yang mendorong Awang untuk berpoligami. Hasrat Awang untuk melindungi Aini Faridah yang tinggal sebatang kara (yakni, selepas kematian ibu bapa dan diceraikan suami), dan Salasiah (Sarasvati) yang merupakan saudara baru Islam. Maksud yang sama juga mempengaruhi perkahwinan Awang dengan Aisyah, yang ketika itu seorang balu beranak dua yang tinggal sendirian di perantauan (Amerika Syarikat). Hakikayat bahawa Aini Faridah, Aisyah dan Salasiah adalah wanita yang berstatus “janda/balu” dan mempunyai anak (tidak bagi Salasiah) semakin memperkuuhkan wacana bahawa poligami dalam Islam

yang dilaksanakan Awang itu bukan didorong keinginannya untuk mengahwini wanita muda. Kesemua perkahwinan poligami Awang berlangsung setelah mendapat keizinan daripada isteri-isterinya yang terdahulu, selain mendapatkan pandangan dan restu daripada ibu bapanya sendiri. Ini menjelaskan tentang kelebihan poligami dalam Islam yang menitikberatkan keharmonian hidup berkeluarga. Selain itu, adalah relevan untuk diamati bahawa poligami Awang dengan wanita-wanita bukan Melayu, seperti Aisyah (Palestin), Dr. Faridah (Jerman-Turki-Greek) dan Salasiah (India) juga berfungsi bagi menjelaskan pemahaman Islam yang menggalakkan perkahwinan campur (eksogami), yang dapat mengeratkan hubungan silaturrahim. Pemahaman ini menjelaskan bahawa kisah poligami yang dipaparkan dalam *Pujangga Melayu* telah mengetepikan kepentingan yang bersifat kejantinaan. Ia sebaliknya mengutamakan keperluan lain, sebagaimana yang diungkapkan dalam novel ini:

Saya mengajukan sejenis hubungan lelaki wanita berdasarkan iman dan kematangan intelek. (hlm. 267)

Adalah penting untuk difahami pendirian pengarang yang mengketengahkan gambaran yang positif tentang poligami dalam Islam, sejarah dengan pengertian “adab” di sisi Islam yang menjadi pegangannya. Pengamatan seterusnya memperlihatkan “cerita” turut digembeleng pengarang untuk memperkuuh wacananya tentang poligami dalam Islam. Dalam konteks ini, kisah hidup Awang mengahwini empat orang wanita tidak tinggal sebagai cerita sahaja, tetapi dimanfaatkan untuk menjelaskan wacana tentang fungsi poligami sebagai penyelesaian masalah kehidupan. Ini jelas apabila hasrat Awang untuk menjadikan Azizah sebagai isteri ketiganya (selepas Aisyah dan Aini Faridah) bertolak daripada tujuannya untuk memberi keadilan terhadap masa depan wanita tersebut, yang dianggap Awang begitu kecewa kerana dia memilih Aini Faridah sebagai isteri. Lihat penjelasannya dalam petikan di bawah ini:

Itu saja cara penyelesaian [merujuk kepada poligami] terbaik.... Saya juga ingin Azizah tidak ternanti-nanti lagi. Saya telah memberinya peluang begitu luas dan lama pula untuknya mencari pasangan, tetapi nampaknya saya gagal. Tidak adil kalau saya terus biarkan Azizah begitu. (hlm. 229)

Selain itu, hasrat Awang memperisterikan Azizah turut diperkuatkan dengan gesaan Aini Faridah (sebagai isteri tua) yang merestui poligami Awang, yang juga dianggapnya dapat meredakan rasa bersalahnya kerana mengahwini Awang. Pengarang turut memperlihatkan bahawa rasa bersalah Aini Faridah juga mendorongnya untuk menamakan anak perempuan mereka dengan nama “Fatimah”, mengambil sempena nama timangan Azizah. Kesudahan kisah memperlihatkan keengganan Azizah untuk berpoligami, meskipun beliau masih bujang dan menyintai Awang, selain turut mendapat restu Aini Faridah. Justeru, tindakannya menolak lamaran Awang dan kemudian berkahwin secara monogami dengan seorang sarjana Jerman-Islam dapat menjelaskan pendirian bahawa wanita Islam berhak untuk menentukan corak perkahwinan yang mereka ingini, sama

ada monogami atau poligami (hlm. 706). Cara Azizah menangani persoalan tersebut juga menarik perhatian. Pendiriannya menolak poligami, tetapi tidak pula menentang atau mempersendakan institusi perkahwinan yang dihalalkan agama Islam. Perwatakan yang ada pada watak Azizah menterjemahkan pengertian “adab” di sisi Islam, iaitu perakuan manusia terhadap suatu perkara berdasarkan ketetapan Penciptanya. Selain itu, keakuran Awang terhadap tuntutan Islam yang menggariskan batas dan adab pergaulan lelaki-perempuan yang ketat dan hanya dapat dicairkan melalui ikatan pernikahan (termasuk poligami) semakin menjelaskan pengertian *Taklif*, yang memperakukan keterikatan manusia dengan ketetapan Penciptanya. Lihat penjelasannya dalam petikan di bawah ini:

Sebagai orang beragama, saya tidak akan mengkhianati hukum-hukum agama saya. Malah bagi saya, itulah salah satu hikmah yang diberikan oleh Allah Taala yang hanya dapat dirasakan di zaman moden ini, iaitu mempunyai perhubungan yang sah dan saling mengerti antara lelaki dan perempuan terpelajar, serta terdidik, untuk sama-sama membina rumah tangga bahagia (hlm. 268).

Perbincangan ini memperlihatkan bagaimana kisah hidup Awang yang mengamalkan poligami itu bukan sahaja sejarah, tetapi memperkuuhkan lagi wacana tentang poligami. Sudah dijelaskan sebelum ini, *Pujangga Melayu* menawarkan wacana tentang poligami dalam Islam yang berfungsi sebagai satu perkongsian intelektual. Pandangan ini diperkuuhkan melalui “cerita” apabila pengarang menceritakan perihal poligami Awang dengan isteri-isterinya, yang antaranya turut didorong keperluan yang bersifat intelektual. Ini ketara apabila novel di satu segi menjelaskan pandangan Awang tentang peranan setiap isterinya yang begitu signifikan dalam keperluan intelektualnya. Faridah disifatkan Awang sebagai pembantu yang baik, Aisyah pula menjadi pengkritik yang setia serta Faridah sebagai sumber maklumat kepadanya. Dari segi yang lain, novel menggambarkan peranan Awang terhadap kemajuan kerjaya isteri-isterinya ini yang disumbangkan sama ada melalui idea, menemani mereka ke majlis-majlis ilmu atau melaksanakan projek ilmiah, seperti penyelidikan serta penerbitan buku. Fungsi poligami sebagai satu perkongsian intelektual yang dapat memberikan manfaat bukan sahaja kepada keperluan intelektual suami, tetapi juga isteri-isteri yang dipoligamikan itu menjelaskan penolakan novel terhadap kepentingan faktor nafsu seks dalam poligami. Lihat dialog yang dilafazkan oleh Awang:

...perkahwinan saya bukanlah semata-mata untuk memuaskan keperluan tabii, tetapi lebih utama ialah untuk menunaikan kewajipan dan memenuhi keperluan intelektual. (hlm. 268)

Selain itu, novel ini memanfaatkan kisah hidup Awang untuk memperlihatkan fungsi poligami dalam Islam untuk mengelakkan berlakunya “fitnah”. Penting diingat kembali pengertian “fitnah” yang telah dijelaskan sebelum ini yang antara lain merujuk kepada soal kemudaratian yang timbul akibat hawa nafsu manusia. Dalam konteks ini, poligami dalam *Pujangga Melayu* turut beroperasi untuk mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang dilarang Islam

akibat percampuran lelaki dengan perempuan yang bukan mahram. Ini jelas ketika novel menceritakan hasrat Awang untuk berkahwin buat kali ketiga, yang didorong faktor keakraban pergaulan keluarganya dengan Dr. Faridah, yang merupakan pengasuh kepada anak-anaknya. Tugas ini dimanfaatkan bagi memperjelaskan bahaya “fitnah”, lantaran tanggungjawabnya sebagai pengasuh yang menyebabkan Dr. Faridah kerap berada di “Teratak Desa”, iaitu kediaman Awang yang menghimpunkan kesemua isterinya. Situasi ini memungkinkan novel untuk menampilkan fungsi poligami dalam Islam yang dapat mengelakkan daripada perlakunya fitnah, apabila ia mencairkan batas-batas syariat dan adab pergaulan Islam yang sebelumnya itu melingkungi keluarga Awang, terutamanya antara dirinya dengan Dr. Faridah. Kisah ini juga diiringi gambaran tentang penekanan Islam terhadap soal tanggungjawab untuk menyediakan pendidikan kepada anak-anak, dan turut dijadikan pertimbangan yang semakin memperkuatkan kerelevanannya poligami Awang dengan Dr. Faridah. Usaha ini jelas apabila pengarang menampilkan watak Dr. Faridah sebagai seorang pakar psikologi kanak-kanak, yang dengan kedudukan itu menyakinkan Awang yang anak-anaknya akan mendapat didikan yang sempurna di bawah asuhannya (hlm. 411). Keprahatinan terhadap soal mengelakkan “fitnah” juga yang memungkinkan poligami antara Awang dengan isterinya yang keempat, Salasiah. Ini diperlihatkan apabila tugas mereka sebagai sarjana yang mempunyai minat yang sama, iaitu kesusteraan, menyebabkan mereka sering bertemu dan berdiskusi. Ini diperkuatkan lagi dengan minat Salasiah terhadap gagasan persuratan Awang, yang jelas melalui kajian kedoktorannya serta sesi perbincangan intelektualnya dengan Awang. Melalui cerita seumpama ini, novel ini memperkuatkan wacananya tentang fungsi poligami dalam Islam sebagai alternatif yang dapat membolehkan lelaki dan perempuan yang mempunyai minat yang sama untuk saling berinteraksi secara dekat, tanpa mendedahkan diri mereka kepada “fitnah”. Ini dijelaskan Awang kepada anaknya Fatimah:

Ayah tidak mengambil kesempatan, tetapi menggunakan kemudahan itu untuk mencapai maksud yang baik, untuk berinteraksi secara halal dan beradab dengan wanita-wanita yang ayah cintai (hlm. 705).

Kesemua isteri Awang yang dikahwini secara poligami disatukan dalam sebuah kediaman yang dikenali sebagai “Teratak Desa”. Hidup berpoligami di bawah satu bumbung memungkinkan novel menghadirkan kisah hidup mereka di “Teratak Desa”. Cerita tentang kehidupan di “Teratak Desa” ini menawarkan beberapa pengamatan yang menarik terhadap pengendalian poligami dalam Islam secara lebih praktikal. Pemahaman ini, jelas apabila novel ini membangkitkan soal “cemburu” dalam kalangan isteri-isteri yang berpoligami. Persoalan “cemburu” yang dijelaskan melalui bentuk wacana ini kemudiannya diperkuatkan melalui cebisan kisah yang menceritakan ketegangan antara isteri-isteri Awang yang tercetus daripada perasaan tersebut. Ini bermula apabila cerita membangkitkan soal keinginan Aisyah (isteri kedua Awang) keluar dari “Teratak Desa” dan tinggal sendirian. Kemahuan Aisyah itu dikaitkan dengan soal “cemburu”, apabila ia kemudiannya mencabar kesabaran Aini Faridah, yang

menganggap permintaan itu hanya satu helah untuk mendapat perhatian yang lebih daripada Awang. Novel ini menangani soal ketegangan rumah tangga ini dengan memperlihatkan kebijaksanaan Awang, yang memilih situasi yang tepat dan sesuai untuk menasihati dan menggendarikan kedua-dua orang isterinya secara adil dan saksama. Pendekatan Awang jelas memperlihatkan rangkuman antara ketegasan dengan diplomasi, yang jelas pada keputusan Awang mengizinkan Aisyah tinggal sendirian, tetapi menetapkan keputusan untuk tidak menziarahinya demi berlaku adil kepada isteri-isteri lain yang menetap di “Teratak Desa”. Berasaskan pemahaman terhadap pengajaran dalam kisah poligami Rasulullah s.a.w., novel ini pada kesudahannya memperlihatkan keinsafan Aisyah yang kembali mendiami “Teratak Desa” (hlm. 652-656). Kesudahan cerita seumpama ini memperkuatkan lagi kesignifikanan kediaman tersebut yang menjadi simbol keharmonian keluarga Awang, apabila Aisyah yang bertekad untuk tinggal sendirian itu digambarkan tidak menemui kebahagiaan ketika tinggal di luar “Teratak Desa”.

Adalah menarik untuk dijelaskan bahawa kisah ketegangan itu merupakan satu-satunya konflik tentang poligami yang dipaparkan dalam novel ini. Sejarah dengan konsep *Uswah Hasanah* dalam Persuratan Baru yang menekankan penonjolan watak yang berakhhlak dan berkeperibadian tinggi, *Pujangga Melayu* distrukturkan untuk menyerlahkan pentingnya peranan dan tanggungjawab suami dalam melayari hidup berpoligami. Seperti yang telah dijelaskan, *Pujangga Melayu* menawarkan wacana tentang poligami yang dikupas mengikut pengertian “adab” di sisi Islam. Sejarah itu, penggembangan “cerita” aspek naratif turut dilakukan dengan menampilkan kisah yang berlegar pada soal kehidupan poligami dalam Islam secara positif. Dalam konteks ini, novel ini menampilkan Awang yang melalui ketinggian akhlak dan pemahamannya tentang Islam yang dapat membantunya untuk memahami dan melaksanakan poligami mengikut pengertiannya. Kedua-dua prinsip ini tersirat melalui penampilan latar serta pemerian suasana “Teratak Desa” yang tenang dan membahagiakan Awang sekeluarga. Pentingnya tanggungjawab suami dalam menyediakan keperluan fizikal keluarga juga terserlah melalui gambaran kemudahan “Teratak Desa” yang tidak sahaja memperuntukkan ruang bersifat peribadi untuk setiap isterinya, tetapi dilengkapi perpustakaan yang lengkap. Ini memperkuatkan wacana yang menampilkan fungsi poligami dalam Islam yang bersifat intelektual. Segala kemudahan yang dinikmati keluarga Awang secara kolektif juga menggambarkan prinsip keadilan yang menjadi teras poligami dalam Islam. Terserlah pada cerita yang memaparkan perihal keluarga yang tinggal sebumbung di “Teratak Desa” ialah keharmonian poligami dalam Islam yang terbit daripada rasa tolak ansur serta hormat-menghormati, seperti yang dilambangkan pada kediaman keluarga Awang. Lihat penjelasan di bawah ini:

Itulah keistimewaan reka bentuk Aini [merujuk “Teratak Desa”], yang sengaja dibuat begitu rupa untuk menyerlahkan “persatuan-persaudaraan-persefahaman tetapi dengan peribadi sendiri (hlm. 284)

Kediaman “Teratak Desa” secara tidak langsung memperkuatkan daya kepimpinan Awang sebagai suami yang berpoligami yang dapat menyatukan keempat-empat isteri serta anak-anak untuk hidup di bawah satu bumbung. Paparan cerita ini menampakkan idea yang cenderung untuk menganjurkan hidup berpoligami secara kolektif, yang digambarkan sebagai langkah yang dapat memudahkan pelaksanaan poligami secara adil dan saksama di pihak suami. Penekanan konsep tersebut terhadap tanggungjawab mendidik anak-anak secara kolektif juga jelas pada cerita tentang tugas Dr. Faridah sebagai pengasuh. Cerita itu turut memperlihatkan peranan mendidik anak-anak turut dipikul bersama oleh isteri-isteri Awang yang lain, seperti pada aktiviti kenduri untuk anak-anak Awang yang dianjurkan mengikut giliran setiap isteri.

Perkara lain daripada cerita yang dipaparkan ialah kepimpinan isteri tua, Aini Faridah, yang banyak membantu Awang dalam melayari hidup berpoligami. Kesignifikanan peranan Aini Faridah lebih jelas pada sumbangannya mengilhamkan konsep dan seni bina kediaman “Teratak Desa”, yang dianggapnya sebagai hadiah kepada suami serta madu-madunya. Novel ini turut memanfaatkan watak Aini Faridah untuk menawarkan idea tentang hidup poligami, seperti peranan isteri tua dalam menasihati madu-madunya. Begitu juga inisiatifnya mengganjurkan kenduri setiap minggu bagi membolehkan Awang memanfaatkan sepenuhnya masa yang terhad dengan madu-madu yang menerima giliran bermalam. Penonjolan kedua-dua watak yang berwibawa, Awang dan Aini Faridah, banyak membantu novel ini dalam memperkuatkan wacana tentang poligami Islam yang menekankan tanggungjawab dan kepimpinan yang adil dan saksama. Selain pentadbiran luaran, novel ini memperlihatkan keadilan poligami daripada aspek emosi dan kasih sayang. Untuk itu, novel ini menceritakan kelebihan watak-watak isteri Awang, seperti sifat Aini Faridah yang ikhlas dan pemurah, Aisyah yang mudah bertolak-ansur, Faridah yang sentiasa berfikiran positif dan terbuka serta Salasiah yang taat dan suka merendah dirinya (hlm. 489-491). Kesemua itu tidak sahaja berguna bagi menggambarkan keadilan poligami Awang yang menanggapi keistimewaan isteri-isterinya secara saksama, tetapi turut memperkuatkan penjelasan novel tentang fungsi poligami Islam. Lihat apa yang dijelaskan melalui dialog watak Awang dalam petikan berikut:

Kami tidak sahaja suami isteri, tetapi juga sahabat dan kekasih sekaligus....Kami memerlukan antara satu sama lain, tidak hanya terbatas kepada keperluan tabii semata-mata tetapi lebih utama ialah keperluan intelektual dan persahabatan (hlm. 703)

Perbincangan di atas berusaha untuk menjelaskan fungsi poligami dalam Islam, selain pengertiannya yang mendalam, iaitu menjadi ibadah manusia kepada Allah s.w.t. Sesuai dengan kedudukannya sebagai ibadah, poligami dalam Islam terikat dengan tuntutan-tuntutannya yang ketat, terutamanya soal kemampuan kaum lelaki untuk melaksanakannya secara adil dan saksama. Pemahaman ini tepat dengan mattlamat Mohd. Affandi (2002: 6) yang memilih untuk menggarap persoalan poligami dengan kesedaran untuk memberi kupasan dan tafsiran

(mengenai poligami) yang tepat di sisi Islam, sebagaimana yang dijelaskan beliau pada kesempatan yang lain:

Alangkah banyaknya pembetulan kekeliruan terhadap hukum Islam yang harus dilakukan oleh orang Melayu, supaya kejahilan tidak lagi menjadi asas penentangan terhadap poligami sebagai hukum Islam yang dimomokkan dengan kezaliman, penindasan terhadap wanita dan punca keruntuhan rumahtangga.

## KESIMPULAN

Novel *Pujangga Melayu* memanifestasikan pengertian seksualiti manusia yang bersifat “Insaniah”. Ini jelas apabila pemahaman yang berkaitan kejantinaan manusia dinilai berdasarkan kejadian dan penciptaan manusia sebagai “Insan”. Sebagai insan, manusia terikat dengan “janji azali” untuk selamanya menjadi saksi terhadap keesaan Penciptanya, yakni Allah s.w.t. Dengan itu, segala amal dan perbuatan manusia selama mereka hidup tidak akan terlepas daripada ikatan “janji azali” dan keengkaran manusia terhadap setiap ketetapan Penciptanya akan dianggap sebagai satu pengkhianatan terhadap janjinya sendiri. Keterikatan manusia dengan “janji azali” untuk menyembah Penciptanya inilah yang mendasari pengertian *Taklif*, yang menjadi paksi dalam gagasan Persuratan Baru. Berdasarkan paksi tersebut, Persuratan Baru hadir dalam kesusasteraan Melayu dengan falsafah dan prinsip asas tentang kesusasteraan yang pada asasnya mengikat karya sastera dengan fungsi dan matlamatnya, iaitu menyampaikan “ilmu” dan meningkatkan akhlak manusia. Ini menyerlahkan perakuan Persuratan Baru terhadap fungsi karya sastera sebagai wadah penyampaian “ilmu” yang sah. Sehubungan itu, analisis ini menjelaskan bahawa fungsi dan keupayaan tersebut yang dapat direalisasikan, terutamanya dalam menangani soal kejantinaan manusia yang menjadi fokus perbincangan ini. Merujuk soal kejantinaan manusia, keterikatan manusia dengan “janji azali” mereka atau *Taklif* jelas mendasari pemahaman berkaitan soal seksualiti manusia yang dimanifestasikan dalam novel ini. Oleh yang demikian, persoalan seperti naluri kejantinaan, perasaan cinta dan praktik poligami Islam dikupas dan ditafsirkan sepenuhnya untuk memanifestasikan hakikat *Taklif*. Perlu difahami bahawa paksi *Taklif* ini turut menjadi asas pemahaman Persuratan Baru tentang cara dan teknik penulisan kreatif. Berteraskan matlamat untuk menyampaikan “ilmu”, penghasilan novel *Pujangga Melayu* distruktur dengan keutamaan terhadap bentuk “wacana” yang diperkuuhkan dengan bentuk “cerita”. Dengan struktur ini juga, soal kejantinaan manusia yang dipersepsi mengikut kerangka *Taklif* dikupas dengan cara penulisan yang bersifat “ilmiah” yang mengutamakan pengutaraan dan pengukuhan hujah sama ada melalui analisis, contoh atau perbandingan kontras. Sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah karya kreatif, bentuk “cerita” hadir bagi memperkuuhkan wacana. Penting untuk diamati, analisis ini memperlihatkan bahawa sulaman antara kedua-duanya, iaitu bentuk “wacana”

dan “bentuk cerita” memperkuat pemahaman tentang seksualiti “Insan”. Hakikat bahawa *Pujangga Melayu* dapat menafsirkan pengertian seksualiti manusia yang bersifat “Insaniah”, baik dalam pengertian mahupun cara pengungkapannya memperjelaskan kemampuan karya kreatif sebagai wadah yang dapat menampung sesuatu idea dan gagasan. Ini menjelaskan apa yang diaplikasikan dalam Persuratan Baru, baik dari segi falsafah, mahupun praktiknya bukanlah suatu yang keterlaluan atau bersifat idealistik.

#### RUJUKAN

- Abdullah Yusuf Ali. 1938a. *The Holy Qur-an: Text, Translation & Commentary volume I*. Lahora: Sh. Muhammad Ashraf.
- \_\_\_\_\_. 1938b. *The Holy Qur-an: Text, Translation & Commentary volume II*. Lahora: Sh. Muhammad Ashraf.
- Al-Attas, S.M.N. 1976. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1990. *The Nature of Man and the Psychology of the Human Soul: a Brief Outline and Framework for an Islamic Psychology and Epistemology*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Al-Delhi, S.W.A. 1996. *Hujjah Allah al-Baligha: The Conclusive Argument from God*, Terj. Marcia K. Hermansen. Leiden: E.J. Brill.
- Al-Quran & Terjemahnya. 1418 H. Mujamma’ al Malik Fahd li Thiba’ at al Mush-haf Asy Syarif, Kementerian Urusan Agama Islam Wakaf, Da’wah dan Irshad Kerajaan Saudi Arabia.
- Abdul Jalil Mohd. Hassan. 1983. The Islamic Concept of Marriage. *Islamika II*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House.
- Asad, Muhammad. 1980. *The Message of the Quran*. Gibraltar: Dar Al-Andalus.
- Baalbaki, Rohi. 1997. *Al Mawrid: A Modern Arabic-English Dictionary*. Beirut: Dar Elilm LilMalayin.
- Bouhdiba, A. 1985. *Sexuality in Islam*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Brijbhushan, Jamila. 1980. *Muslim Women: In Purdah and Out of It*. New Delhi: Vikas.
- Dahl, T.S. 1997. *The Muslim Family: a Study of Women’s Right in Islam*. Oslo: The University of Oslo Press.
- Fatima, S. 1982. Nature and Effects of Islamic Attitudes to Women. *Islamic Studies*. 21(1): 105-121.
- Madelain, F. 1984. *Marriage and Sexuality in Islam: a Translation of Al-Ghazali’s Book on the Etiquette of Marriage from the Ihya’*. Salt Lake City: University of Utah.
- Mohammad H. Kamali. 1993. Freedom of Expression In Islam: An Analysis of Fitnah. Dlm. *The American Journal of Islamic Social Sciences*. 10 (2): 178-209.
- Mohd. Affandi Hassan. 1992. *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 1994a. *Medan-medan dalam Sistem Persuratan Melayu: Sanggahan Terhadap Syarahan Perdana Prof. Muhammad Hj. Salleh (Sarjana dan Sasterawan Negara)*. Kota Bharu: Penerbit Tiga Puteri.
- \_\_\_\_\_. 1994b. Pemikiran dan Pendekatan dalam Sastera Melayu. Dlm. *Kesusasteraan Melayu Mitos dan Realiti: Esei/ Kritikan Hadiah Sastera Malaysia 1988/1989*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- \_\_\_\_\_. 1997. *Pujangga Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- \_\_\_\_\_. 1999. Persuratan Baru dan Cabaran Intelektual: Menilai Kembali Kegiatan Kreatif Dan Kritikan. Kertas kerja *Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 6-8 Disember.
- \_\_\_\_\_. 2002. *Pujangga Melayu* Dan Persuratan Baru Menjadi Duri Dalam Daging Sastera Melayu Moden? *Dewan Sastera* (Ogos): 6-11.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. 2003. Islam Sebagai *Al-Din*: Beberapa Pengamatan Terhadap Pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *AFKAR*. 4: 29-62.
- \_\_\_\_\_. 2004a. Seksualiti dalam Novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru. Tesis Kedoktoran. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2004b. Ciri Kesusastraan Menurut Islam: Beberapa Pengamatan Awal. Dlm. *Al-Hadarah*: 103-133. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Prickett, J. 1985. *Living Faiths: Marriage and the Family*. Cambrige: Lutterworth.
- Qamaruddin Khan. 1990. *Status of Women in Islam*. New Delhi: Sterling.
- Rahanawati Alida. 1976. Hikmat Poligami: Wawancara dengan Haji Dasuki Ahmad. *Al Islam* (November): 40-42.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2002. *Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Hassan: Satu Tinjauan Awal. Kertas kerja Siri Diskusi Buku. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 27 Februari.
- \_\_\_\_\_. 2002. Bagaimakah *Pujangga Melayu* Harus Ditafsirkan? *Dewan Sastera* (Ogos): 36-43.

Mohd Zariat Abdul Rani, PhD  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 Serdang  
Selangor Darul Ehsan  
e-mail: mozariat@yahoo.com